Hujung Minggu
قليتا بروني
PELITA BRUNEI
Membudayakan Masyarakat Bermaklumat
AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

MANISNYA IMAN مانيسڽ ايمان

**DARIPADA Ibnu Abas Radiallahuanha ia berkata : Aku mendengar Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda : Maksudnya : "Dua mata yang tidak akan disentuh oleh api neraka iaitu : Mata yang menangis kerana takut kepada Allah dan mata yang pada malam hari berjaga kerana membela agama Allah". - Hadis Riwayat Imam At-Tirmizi.**

WAKTU SEMBAHYANG | IMSAK 4.46 | SUBUH 4.56 | SYURUK 6.14 | DUHA 6.37 | ZUHUR 12.22 | ASAR 3.30 | MAGHRIB 6.27 | ISYAK 7.37
Daerah Belait ditambah 3 minit
Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN 70 BILANGAN 104 | 30 OGOS 2025 / 1447 6 ربيع الأول | JABATAN PENERANGAN | EDISI SABTU / PERCUMA

دولت كباوه دولي توان ڤاتيق
Daulat Kebawah Duli Tuan Patik
79 Tahun

# KERJASAMA DUA HALA PELBAGAI BIDANG DIPERKUKUHKAN




**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat mengadakan perjumpaan bersama Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar Ibrahim sempena Perundingan Tahunan Ketua-ketua Kerajaan Kali Ke-26 di antara Negara Brunei Darussalam dan Malaysia yang berlangsung di Kompleks Seri Perdana, Putrajaya. - Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi *(Lihat muka 3 hingga 4).***

# Komited terhadap peralihan tenaga adil, inklusif

**Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Perdana Menteri**

**BUSAN**, Jumaat, 29 Ogos. - Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof, selaku Menteri Yang Bertanggungjawab ke atas Tenaga kini berada di Busan, Republik Korea, menghadiri Mesyuarat Menteri-menteri Tenaga APEC (APEC EMM) Ke-15 yang berlangsung di Nurimaru APEC House dari 27-28 Ogos 2025.

Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II diiringi oleh Setiausaha Tetap (Tenaga) di JPM, Dayang Hajah Farida binti Dato Seri Paduka Haji Talib dan wakil dari Jabatan Tenaga di JPM.

**>> Muka 8**

# Memperkukuhkan kerjasama sektor pengangkutan, pupuk pertumbuhan ekonomi bersama

**Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Jumaat, 29 Ogos. - Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC) baru-baru ini menerima kunjungan rasmi daripada Menteri Pengangkutan Sarawak, Malaysia, Yang Berhormat Datuk Sri Lee Kim Shin, bertempat di Hotel Antarabangsa Rizqun, Gadong.

Lawatan rasmi Yang Berhormat Menteri Pengangkutan Sarawak, Malaysia dimulakan dengan kunjungan muhibah kepada Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Negara Brunei Darussalam, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha.

Semasa sesi kunjungan muhibah tersebut, kedua-dua pihak membincangkan usaha memperkukuhkan kerjasama dalam sektor pengangkutan darat, maritim dan udara, termasuk aspek keselamatan, pembangunan infrastruktur serta peluang kolaborasi di antara Negara Brunei Darussalam dan Sarawak, Malaysia.

**>> Muka 9**

IKUTI KAMI DI APLIKASI MUDAH ALIH
InfoDeptBN
Pelita Brunei | pelitabrunei | pelitabrunei

## Berita Utama




**IN:STALL @YDC CoffeeBiz 2025 ketengahkan usahawan kopi**

Muka 11




**PERASMIAN The 9th Thailand Bazaar and Cultural Week**

Muka 14



**JERAYAWARA Kesedaran Kewangan labuh tirai**

Muka 18



RENCANA

**KEM Belia OKU dedahkan cara hidup berdikari, memperkasa diri**

Muka 28

# Jubli Intan Perkahwinan ristaan sejarah negara, 'qudwah hasanah' kepada rakyat jelata

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh**
**Bismillahir Rahmanir Rahim**
**Alhamdulillah Rabbil 'Alameen, Wabihiee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Wadden, Wassalaatu' Wassalaamu 'Ala Asyarafil Mursaleen, Sayyidina Muhammaddin, Wa'alaa Aalihee Wasahbihee Ajma'een, Waba'du**

**DENGAN** penuh hormat dan takzim serta dengan rasa syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, Hamba Kebawah Duli Tuan Patik, mewakili Pengerusi-pengerusi Bersama serta semua peringkat Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi dan Jawatankuasa Kerja Majlis Kesyukuran sempena Ulang Tahun Jubli Intan Perkahwinan Kebawah-Kebawah Duli Tuan Patik, sukacita merafakkan sembah Kehadapan Majlis Kebawah-Kebawah Duli Tuan Patik menyembahkan sembah menjunjung kasih dan penghargaan yang setinggi-tingginya di atas perkenan Kebawah-Kebawah Duli Tuan Patik bercemar duli menyerikan Majlis Kesyukuran sempena Ulang Tahun Jubli Intan Perkahwinan Kebawah-Kebawah Duli Tuan Patik di petang yang berbahagia dan indah permai ini.

Sesungguhnya keberangkatan Kebawah-Kebawah Duli Tuan Patik ke majlis ini merupakan kurnia yang sangat bermakna dan bernilai tinggi untuk *abis-abis* Hamba Kebawah Duli Tuan Patik yang sudah setentunya menambah seri dan keberkatan majlis.

Ia sudah pasti akan menjadi ristaan dan kenangan manis lagi indah yang akan berkekalan dalam ingatan *abis-abis* Hamba Kebawah Duli Tuan Patik kerana merupakan satu majlis yang bersejarah dan sangat istimewa.

Disembahkan Majlis Kesyukuran sempena Ulang Tahun Jubli Intan Perkahwinan Kebawah-Kebawah Duli Tuan Patik petang ini adalah merupakan majlis yang disembahkan oleh Pembesar-pembesar Negara sebagai tanda menzahirkan rasa syukur *abis-abis* Hamba Kebawah Duli Tuan Patik ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala di atas limpah rahmat dan nikmat-Nya mengurniakan Kebawah-Kebawah Duli Tuan Patik kehidupan berpasangan dan berkeluarga yang penuh sakinah (ketenangan), mawaddah (kasih sayang) dan *rahmah* (rahmat).

Dengan menzahirkan kesyukuran ini, sebagaimana janji Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Ibrahim, ayat 7, yang terjemahannya : "*Demi sesungguhnya jika kamu bersyukur nescaya Aku akan tambahi nikmat-Ku kepada kamu*", *abis-abis* Hamba Kebawah Duli Tuan Patik berdoa agar Allah Subhanahu Wata'ala akan terus melimpahkan kurnia dan melipatgandakan rahmat dan nikmat-Nya kepada Kebawah-Kebawah Duli Tuan Patik yang berupa kesihatan tubuh badan, kesejahteraan, dilanjutkan usia, sentiasa dalam inayah dan perlindungan Allah Subhanahu Wata'ala, dikurniakan istiqamah taufik dan hidayah, kekal karar memerintah di atas takhta singgahsana kerajaan dan memimpin Negara Brunei Darussalam (NBD) dan dikurniakan kehidupan yang bahagia di dunia dan akhirat.

Disembahkan, seterusnya Majlis Kesyukuran ini juga disembahkan bagi merafak sembah ucapan setinggi-tinggi tahniah dan ucapan Selamat Ulang Tahun Perkahwinan Kehadapan Majlis Kebawah-Kebawah Duli Tuan Patik sempena Ulang Tahun Jubli Intan Perkahwinan Kebawah-Kebawah Duli Tuan Patik.

Ulang Tahun Jubli Intan Perkahwinan Kebawah-Kebawah Duli Tuan Patik ini bukan saja menjadi ristaan sejarah NBD, bahkan ia juga menjadi sumber inspirasi dan *qudwah hasanah* kepada rakyat jelata iaitu sebagai contoh teladan ikutan yang baik dalam kehidupan harmoni berkeluarga.

Dalam kesempatan ini *abis-abis* Hamba Kebawah Duli Tuan Patik dengan penuh tulus ikhlas menadahkan tangan berdoa ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala memohon keberkatan dengan sukut baik doa yang diajarkan oleh Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam apabila mengucapkan tahniah, Baginda menyebut :

(*Barakallahu Lakuma Wabaraka 'Alaikuma Wajama'a Bainakuma Fi Khair*)

"Semoga Allah Subhanahu Wata'ala memberkati Kebawah-Kebawah Duli Tuan Patik, mengurniakan keberkatan kepada Kebawah-Kebawah Duli Tuan Patik dan mengumpulkan Kebawah-Kebawah Duli Tuan Patik berdua dalam kebaikan".

Alhamdulillah, disembahkan rakyat dan penduduk di negara ini juga berpeluang menzahirkan rasa penuh kesyukuran mendoakan Kebawah-Kebawah Duli Tuan Patik serta ahli kerabat Kebawah-Kebawah Duli Tuan Patik semasa Majlis Doa Kesyukuran Senegara sempena Ulang Tahun Jubli Intan Perkahwinan Kebawah-Kebawah Duli Tuan Patik yang diadakan secara serentak di keempat-empat daerah di semua masjid-masjid, surau-surau dan balai ibadah di seluruh negara pada hari Isnin, 28 Julai 2025 yang lalu dengan penumpuan utama di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah yang diserikan dengankeberangkatan - keberangkatan paduka-paduka anakanda Kebawah Duli Tuan Patik, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik.

>> Muka 12



**MENTERI di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof semasa menyampaikan sembah alu-aluan pada Majlis Kesyukuran sempena Ulang Tahun Jubli Intan Perkahwinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam pada Isnin, 24 Safar 1447 Hijrah / 18 Ogos 2025 Masihi anjuran Pembesar-pembesar Negara bertempat di Royal Berkshire, Jerudong Polo and Country Club, Jerudong.**

## WAKTU SEMBAHYANG

| OGOS MASIHI | HARI | RABIULAWAL HIJRAH | IMSAK | SUBUH | SYURUK | DUHA | ZUHUR | ASAR | MAGHRIB | ISYAK |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 30 | SABTU | 6 | 4.46 | 4.56 | 6.14 | 6.37 | 12.22 | 3.30 | 6.27 | 7.37 |
| 31 | AHAD | 7 | 4.46 | 4.56 | 6.14 | 6.37 | 12.22 | 3.29 | 6.27 | 7.37 |
| 1 SEPTEMBER | ISNIN | 8 | 4.46 | 4.56 | 6.14 | 6.37 | 12.21 | 3.28 | 6.27 | 7.36 |
| 2 | SELASA | 9 | 4.46 | 4.56 | 6.14 | 6.36 | 12.21 | 3.27 | 6.26 | 7.36 |
| 3 | RABU | 10 | 4.46 | 4.56 | 6.14 | 6.36 | 12.21 | 3.26 | 6.26 | 7.35 |
| 4 | KHAMIS | 11 | 4.46 | 4.56 | 6.14 | 6.36 | 12.20 | 3.25 | 6.25 | 7.35 |
| 5 | JUMAAT | 12 | 4.46 | 4.56 | 6.13 | 6.36 | 12.20 | 3.24 | 6.25 | 7.34 |

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

## RAMALAN CUACA 3 HARI

| | SABTU | AHAD | ISNIN |
|---|---|---|---|
| Bandar Seri Begawan | 32 25 °C | 31 26 °C | 32 25 °C |
| Pekan Bangar | 32 24 °C | 31 24 °C | 32 24 °C |
| Pekan Tutong | 32 24 °C | 31 25 °C | 31 25 °C |
| Kuala Belait | 32 24 °C | 31 24 °C | 31 25 °C |

Wallahualam Bissawab www.met.gov.bn
Sumber : Perkhidmatan Kajicuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

## SIDANG PENGARANG

30 OGOS 2025

# Selawat adalah doa sanjungan kepada kebesaran Rasulullah

**NABI** Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam adalah contoh dan idola terbaik bagi ikutan seluruh umat Islam sebagai cerminan diri dalam mengharungi kehidupan seharian. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah diutus oleh Allah untuk memimpin umat manusia ke jalan yang selamat dan bahagia di dunia dan akhirat. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam adalah rahmat dari Allah yang tidak ternilai harganya kepada alam semesta ini, sebagaimana firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Anbiyaa ayat 107 yang tafsirnya : "*Dan Kami tidak mengutus engkau (wahai Nabi Muhammad) melainkan untuk menjadi rahmat bagi sekalian alam*".

Sebagai seorang rasul yang diutuskan oleh Allah, darjat ketinggiannya mengatasi pemimpin-pemimpin yang lain. Baginda bersifat *ma'sum* iaitu terpelihara daripada melakukan kesalahan dan kesilapan. Maka kerana itu, arah dan tujuan yang dibawanya untuk seluruh umat manusia ini adalah benar dan terjamin. Baginda memimpin umatnya ke jalan yang diredai oleh Allah Subhanahu Wata'ala iaitu agama Islam. Kini Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam sudah tidak ada lagi di dunia ini tetapi umatnya tetap dijamin tidak akan sesat selama mereka berpegang dengan pusaka peninggalannya iaitu Al-Quran dan As-Sunnah. Melalui dua sumber ini, umat Islam sentiasa terpimpin dalam menghadapi kehidupan di dunia yang penuh dengan berbagai-bagai cabaran ini.

Selawat adalah doa yang merupakan sanjungan kepada kebesaran Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam agar baginda selalu mendapat limpahan rahmat daripada Allah Subhanahu Wata'ala jua. Marilah kita memperbanyakkan selawat ke atas Junjungan Besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam. Berselawat merupakan suatu ibadah yang telah disyariatkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala ke atas orang-orang yang beriman bahkan Allah Subhanahu Wata'ala dan para malaikat juga berselawat ke atas Baginda. Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah Al-Ahzab, ayat 56 yang mafhumnya :

"*Sesungguhnya Allah dan para malaikat-Nya berselawat (memberi segala penghormatan dan kebaikan) kepada Nabi (Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam). Wahai orang-orang yang beriman, berselawatlah kamu kepadanya serta ucapkanlah salam sejahtera dengan penghormatan yang sepenuhnya*".

Sesungguhnya amalan berselawat ke atas Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam merupakan satu amalan yang agung. Maka sangat dianjurkan kita untuk memperbanyakkan ucapan selawat dan salam ke atas Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam kerana banyak kelebihan atau fadilat utama amalan berselawat.

Antara kelebihan atau fadilat utama amalan berselawat ialah untuk menzahirkan tanda cinta kepada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dan juga untuk mendapatkan ganjaran yang berganda di sisi Allah Subhanahu Wata'ala. **- Ketua Penyuntingan (Ad)**

**Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga**

pelita.brunei@information.gov.bn | 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 2381004 | www.pelitabrunei.gov.bn
دتربيتكن اوله جابتن فنراغن، جابتن فردان منتري دان دچيتق اوله فرينت فلس سنديرين برحد، نڬارا بروني دارالسلام
Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

# KEBAWAH DYMM AKHIRI KEBERANGKATAN NEGARA






**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat balik setelah selesai mengadakan Keberangkatan Negara ke Malaysia dan menghadiri Perundingan Tahunan Ketua-ketua Kerajaan Ke-26 antara Negara Brunei Darussalam dan Malaysia. Berangkat mengiringi baginda ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen (kiri dan atas).**

**Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri**
**Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Hernie Suliana Haji Othman**

**KUALA LUMPUR**, Rabu, 27 Ogos. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, petang tadi berangkat balik setelah selesai mengadakan Keberangkatan Negara ke Malaysia dan menghadiri Perundingan Tahunan Ketua-ketua Kerajaan Ke-26 antara Negara Brunei Darussalam (NBD) dan Malaysia.

Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Sebelum berangkat balik, Doa Selamat dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Berangkat dan hadir di Pangkalan Tentera Udara Subang bagi menyembahkan selamat berangkat Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar Ibrahim; Yang Amat Mulia Tunku Idris Iskandar Al-Haj ibni Sultan Ibrahim, Tunku Temenggong Johor; Menteri Komunikasi Malaysia, Yang Berhormat Datuk Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil, selaku Menteri Pengiring; Ketua Pegawai Istiadat, Bahagian dan Urusetia Persidangan Antarabangsa, Yang Berbahagia Datuk Rozainor bin Ramli; Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke NBD, Tuan Yang Terutama Datuk Mohd. Aini bin Atan; dan Pesuruhjaya Tinggi NBD ke Malaysia, Tuan Yang Terutama Brigedier Jeneral (B) Dato Paduka Haji Mahmud bin Haji Saidin.





**BERANGKAT dan hadir di Pangkalan Tentera Udara Subang bagi menyembahkan selamat berangkat Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia ialah Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar Ibrahim dan Yang Amat Mulia Tunku Idris Iskandar Al-Haj ibni Sultan Ibrahim, Tunku Temenggong Johor (kiri sekali dan kiri).**

# Kerjasama dua hala pelbagai bidang diperkukuhkan






**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam diiringi oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen berkenan berangkat mengadakan perjumpaan bersama Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar Ibrahim sempena Perundingan Tahunan Ketua-ketua Kerajaan Kali Ke-26 di antara Negara Brunei Darussalam dan Malaysia di Kompleks Seri Perdana, Putrajaya (kiri dan atas).**

**PUTRAJAYA**, Rabu, 27 Ogos. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, hari ini berkenan berangkat mengadakan perjumpaan bersama Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar Ibrahim sempena Perundingan Tahunan Ketua-ketua Kerajaan Kali Ke-26 di antara Negara Brunei Darussalam (NBD) dan Malaysia yang berlangsung di Kompleks Seri Perdana, Putrajaya.

**>> Muka 4**





**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat menghadiri Majlis Perjumpaan Empat Mata bersama Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia (kiri), manakala gambar kanan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen berkenan berangkat ke Majlis Santap Tengah Hari Rasmi yang dihoskan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia sempena Perundingan Tahunan Ketua-ketua Kerajaan Kali Ke-26.**

**>> Muka 3**

Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dijunjung oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar Ibrahim dan seterusnya disembahkan dengan persembahan kebudayaan.

Baginda juga berkenan menandatangani Buku Pelawat dan dijunjung bergambar rasmi bersama Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia.

Perundingan Tahunan Ketua-ketua Kerajaan Kali Ke-26 di antara NBD dan Malaysia dimulakan dengan kedua-dua pemimpin menyaksikan pertukaran dokumen Memorandum Persefahaman di antara Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan Kerajaan Malaysia, iaitu Memorandum of Understanding between the Government of His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan of Brunei Darussalam and the Government of Malaysia on the Cooperation in Health.

Kerajaan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam diwakili oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar. Manakala, mewakili Kerajaan Malaysia ialah Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad.

Kebawah DYMM seterusnya berangkat menghadiri Majlis Perjumpaan Empat Mata bersama Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia, yang mana kedua-dua pemimpin telah berbincang mengenai hubungan kerjasama dua hala secara keseluruhannya, khususnya perkembangan pelaksanaan Pertukaran Persuratan (Exchange of Letters) iaitu perjanjian yang telah ditandatangani oleh kedua-dua buah negara pada tahun 2009 serta isu-isu serantau dan antarabangsa yang berkepentingan bersama.

Selepas perjumpaan tersebut, satu Kenyataan Bersama telah dikeluarkan yang antara lainnya mengetengahkan komitmen para pemimpin terhadap kemajuan penandaan dan ukur sempadan darat kedua-dua buah negara; kepentingan untuk mengukuhkan kerjasama ekonomi antara NBD dan negeri Sabah dan Sarawak; mempertingkatkan lagi kerjasama dua hala dalam bidang-bidang pertahanan, pelaburan, imigresen, pendidikan, Pengurusan Bencana dan Kehakiman Syariah; penandatanganan Memorandum Persefahaman mengenai Kerjasama dalam bidang Kesihatan yang diperbaharui semasa Perundingan Tahunan Ketua-ketua Kerajaan Kali Ke-26; dan sokongan NBD terhadap Malaysia selaku Pengerusi ASEAN, khususnya untuk melaksanakan Wawasan ASEAN 2045 sepenuhnya dan secara berkesan dalam membawa manfaat sosioekonomi yang ketara kepada rakyat ASEAN.

Majlis Santap Tengah Hari Rasmi telah dihoskan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia sempena Perundingan Tahunan Ketua-ketua Kerajaan Kali Ke-26 ini.

Perundingan Tahunan Ketua-ketua Kerajaan NBD dan Malaysia yang telah diadakan sejak tahun 1997 merupakan wadah penting bagi kedua negara untuk mengadakan perbincangan bagi meneliti kerjasama dua hala yang sedia ada serta menerokai potensi usaha sama di bidang-bidang baharu.

Diadakan secara bergilir, NBD telah mempengerusikan Perundingan Tahunan Kali Ke-25 pada 26 Ogos 2024.



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan beramah mesra pada Majlis Santap Tengah Hari Rasmi.**



**KEBAWAH DYMM dan paduka anakanda bagindadijunjung bergambar ramai bersama Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia.**

# DPMM FC BERPESTA GOL

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas



**DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan berangkat menyaksikan perlawanan di antara DPMM FC Bawah 18 (U18) menentang Wijaya FC U18.**

**JERUDONG**, Jumaat, 29 Ogos. - DPMM FC Bawah 18 (U18) berpesta gol petang tadi ke atas Wijaya FC U18 dengan keputusan berakhir 14 - 0 pada saingan Liga Belia Brunei 2025/2026 yang berlangsung di Jerudong Park Mini Stadium, di sini.

Berangkat menyaksikan perlawanan ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri.

Turut berangkat dan menyertai perlawanan bagi mewakili DPMM FC, Yang Teramat Mulia Pengiran Muda 'Abdul Muntaqim ibni Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah.

Babak pertama perlawanan menyaksikan DPMM FC dengan bijak mengawal perlawanan dan seterusnya berjaya menjaringkan gol seawal minit pertama menerusi Muhammad Hafiy Hakim Azizan.

Berikutan gol pertama berkenaan, DPMM FC terus sahaja mengasak Wijaya FC dan akhirnya berjaya menjaringkan gol menerusi Muhammad Akmal Rizal Muhammad Abu Bakar pada minit ke-15.

DPMM FC seterusnya berjaya menjaringkan gol pada minit ke-18, apabila Muhammad Adi Idham Sazali berjaya mengalahkan penjaga gawang Wijaya FC menerusi sepakan tajam dari arah kiri.

Selang tiga minit kemudian, Muhammad Hafiy Hakim yang beraksi cemerlang pada perlawanan berkenaan sekali lagi menjaringkan gol, setelah pemain sayap kanan DPMM FC dengan bijak memberikan umpanan yang disudahi dengan baik.

Deretan gol tidak berhenti di situ sahaja apabila pemain tengah DPMM FC, Awangku Faris Fadillah Pengiran Saiful Bahari seterusnya menjaringkan gol dengan melakukan percubaan dari jarak jauh yang menewaskan penjaga gawang Wijaya FC pada minit ke-32.

DPMM FC seterusnya bernasib baik apabila pemain Wijaya FC, Ahmad Aariz Akmal Muhaimin menjaringkan gol sendiri pada minit ke-43.

Muhammad Hafiy Hakim seterusnya berjaya melengkapkan hatriknya sebelum wisel babak pertama ditiup oleh pengadil, setelah melakukan gerakan bijak yang melepaskan penjaga gawang Wijaya FC dan seterusnya menyudahi dengan baik pada minit ke-45.

Separuh masa kedua menyaksikan DPMM FC terus lagi menguasai perlawanan dan seterusnya berjaya menjaringkan gol pada minit ke-51, sekali lagi menerusi gol yang dijaringkan oleh Muhammad Hafiy Hakim.

Pada minit ke-58, Muhammad Akmal Rizal kemudiannya berjaya menggandakan jaringannya bagi DPMM FC menerusi gol dari jarak dekat setelah mendapat umpanan dari sayap kanan.

Turut melengkapkan hatriknya pada perlawanan tersebut, Muhammad Akmal Rizal seterusnya menjaringkan gol pada minit ke-62 setelah melakukan percubaan ke sudut kanan gawang lawan.

DPMM FC seterusnya berjaya menjaringkan gol sekali lagi menerusi Muhammad Akmal Rizal setelah mendapat umpanan bijak menewaskan pemain pertahanan lawan, akhirnya menjaringkan gol pada minit ke-66.

Pemain DPMM FC, Mohamad Azri Danial Haji Mohamad Yusra seterusnya menanduk masuk bola ke gawang lawan setelah mendapat hantaran lintang yang diberikan oleh Yang Teramat Mulia Pengiran Muda 'Abdul Muntaqim menerusi sepakan sudut pada minit ke-78.

DPMM FC seterusnya menambah luka bagi Wijaya FC apabila menjaringkan gol tambahan pada minit ke-93 menerusi Muhammad Harith Aqil Azaman dan selang seminit Muhammad Akmal Rizal seterusnya menjaringkan gol terakhir bagi DPMM FC pada minit ke-94.

Keputusan perlawanan kekal 14 - 0 sehingga pengadil meniupkan wisel penamat.

Pada perlawanan lain yang berlangsung di Padang FABD A, FC Phosphor U18 tumpas di tangan Falcon SC U18 dengan keputusan berakhir 0 - 7, manakala Rimba Star FC U18 menang tipis ke atas Dash FA U18 dengan keputusan 3 - 2 yang berlangsung di Padang FABD B.



**TURUT berangkat dan menyertai perlawanan bagi mewakili DPMM FC, Yang Teramat Mulia Pengiran Muda 'Abdul Muntaqim ibni Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah.**

# JIS raikan pencapaian cemerlang keputusan peperiksaan

**JERUDONG**, Jumaat, 29 Ogos. - Sekolah Antarabangsa Jerudong (JIS) dengan bangganya meraikan keputusan peperiksaan cemerlang pelajar Kelas 2025 dalam Peperiksaan 'A' Level, Program Diploma International Baccalaureate (IB) dan Diploma Lanjutan Tahap 3 Antarabangsa Pearson BTEC dalam Media Kreatif.

JIS turut meraikan kejayaan kohort kedua pelajar yang menamatkan Diploma Lanjutan Tahap 3 Antarabangsa BTEC dalam Media Kreatif, dengan kadar kelulusan 100 peratus.

Dalam sistem penilaian BTEC, Distinction* (D*) dan Distinction (D) adalah gred tertinggi, setara dengan keputusan terbaik 'A' Level, diikuti oleh Merit (M) dan Pass (P).

Dalam kohort tahun ini, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Wakeel ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah mendapat DDM, setara dengan Gred AAC di 'A' Level dan 128 mata UCAS.

Sementara itu, Mohammad Raziq Rayyan Mohammad Nizam memperoleh DDD yang cemerlang, bersamaan dengan tiga Gred A di 'A' Level dan 144 mata UCAS. Keputusan ini mencerminkan komitmen kukuh sekolah terhadap kecemerlangan akademik serta dedikasi luar biasa para pelajarnya.

Para pelajar 'A' Level mencatat keputusan yang luar biasa, dengan 35.1 peratus daripada semua gred yang diberikan adalah A atau A* dan 66.8 peratus memperoleh Gred A, A atau B*.

Antara pelajar cemerlang adalah Justin Deng, Muhamad Zaim Aqel bin Mohamad Azri (penerima Biasiswa Kementerian Pendidikan), Li Jia Chong dan Amanda Goh yang masing-masing memperoleh empat Gred A atau A* dalam Peperiksaan 'A' Level mereka.

Manakala Pengiran Qaiyimah Nurul Bolkiah binti Pengiran Haji Md. Hakimmuddin, penerima Biasiswa Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) juga cemerlang dengan empat Gred A. Sembilan pelajar memperoleh gabungan Gred A* atau A dalam ketiga-tiga subjek 'A' Level mereka. Claire Chong mencapai tiga Gred A* dalam semua subjek 'A' Levelnya.

Gideon Chan, Iggy Malik, Elijah Cheam (dengan tambahan Gred A dalam AS English), Flora Ngu, Nur Adlina binti Ariffin, Nur Adibah Husna binti Haji Johari (penerima Biasiswa KHEU), Milly Lenk dan Syifa A'leeya binti Haji Mohd. Serudin (juga penerima Biasiswa KHEU) masing-masing memperoleh tiga Gred A atau A*.

Selain itu, lapan pelajar memperoleh Gred A dalam semua subjek mereka iaitu Clara Ang, Travis Chambers, Lyeenah Hamidiah Haji Abdul Hamid (Biasiswa Kementerian Pendidikan), Johnny Morel, Min Nyi, Nur Alya Alisya binti Abd. Rahman (Biasiswa KHEU), Nadia Shasmeen binti Mohd. Shahrulnizam dan Jia Hui Tan.

Pelajar Program Diploma IB (IBDP) juga menunjukkan pencapaian yang cemerlang, dengan purata skor 32.1, melepasi purata global 30.58 di mana sebanyak 43 peratus pelajar JIS melepasi purata global, dengan 23 peratus memperoleh 35 mata atau lebih.

Skor tertinggi dicapai adalah 43 mata oleh Evie May. Dua pelajar memperoleh 40 mata yang cemerlang iaitu Yin Xin Hwong (biasiswa Kementerian Pendidikan) dan Allen Shih.

Muhammad Saedon Haji Sahralidin (Biasiswa Kementerian Pendidikan) dan Muhammad Faaiezul Aiman Dr. Haji Zulhilmi memperoleh 39 mata yang mengagumkan.

Empat pelajar mendapat 38 mata iaitu Clemens Bindseil, Ayden Goh, Mélanie Poulain dan Olivia Smith. Tiga pelajar mendapat 37 mata iaitu Aryeeb Ahsan, Adelina Shalapinina dan Lilly von Kuestenfeld. Dua pelajar memperoleh 36 mata, Sienna Holmes dan Sana Hamid. Dua lagi mendapat 35 mata, Jayde Courtoreille dan Abby Ting.

Dengan pencapaian luar biasa ini, para graduan akan melanjutkan pengajian ke universiti terkemuka di seluruh dunia, termasuk University College London, University of Edinburgh, King's College London, University of Manchester, University of Bristol, University of Warwick, University of Leeds, University of Toronto, McGill University, University of British Columbia, Monash University, University of Queensland dan banyak lagi.

Pengetua Eksekutif JIS, Nicholas Sheehan dalam ucapannya menyatakan walaupun pelajar-pelajar cemerlang meninggalkan JIS dengan pencapaian akademik yang hebat, apa yang benar-benar membezakan mereka ialah kesan positif yang mereka tinggalkan sebagai pemimpin muda dalam komuniti sekolah ini.

"Pengaruh, perwatakan dan komitmen mereka telah meninggalkan legasi yang berkekalan. Kejayaan ini adalah hasil kerjasama kukuh antara pelajar kami, keluarga yang menyokong mereka dan Pasukan Akademik kami yang berdedikasi.

"Bersama pasukan pengajar dan kebijakan kami, pasukan ini terus memberikan pendidikan holistik yang menggalakkan setiap pelajar untuk cemerlang dan berkembang menjadi versi terbaik diri mereka," tambahnya lagi.



**DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Wakeel ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah berkenan bergambar ramai bersama pelajar-pelajar Sekolah Antarabangsa Jerudong bagi meraikan kecemerlangan dalam peperiksaan.**

Siaran Akhbar dan Foto : Sekolah Antarabangsa Jerudong

# TEROKA KERJASAMA BAHARU, TANGANI CABARAN BERSAMA

**Oleh : Kenyataan Bersama Negara Brunei Darussalam dan Malaysia**



**KUALA LUMPUR**, Rabu, 27 Ogos. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengadakan Keberangkatan Negara ke Malaysia pada 25 hingga 27 Ogos 2025 atas undangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Sultan Ibrahim.

Keberangkatan Negara ini mengukuhkan lagi hubungan yang terjalin lama dan meningkatkan kerjasama dua hala antara kedua-dua negara, berasaskan sejarah, budaya dan hubungan rapat rakyat dengan rakyat (*people-to-people*).

Pada Keberangkatan Negara tersebut, Perundingan Tahunan Ketua-ketua Kerajaan (ALC) Kali Ke-26 diadakan di Putrajaya, Malaysia, pada 27 Ogos 2025 antara Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar Ibrahim dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Perundingan itu diadakan secara mesra dan harmoni, menandakan hubungan yang berkekalan dan istimewa antara kedua-dua negara. Menghargai usaha berterusan yang dilakukan sejak ALC Ke-25 yang diadakan di Bandar Seri Begawan (BSB), Negara Brunei Darussalam (NBD), kedua-dua pemimpin berazam untuk meningkatkan lagi kerjasama dalam bidang kepentingan bersama, meneroka jalan baharu untuk kerjasama, mengukuhkan kerjasama strategik dan menangani cabaran bersama untuk manfaat rakyat kedua-dua negara.

Kedua-dua pemimpin melahirkan rasa puas hati dengan komitmen berterusan dalam memperkukuh kerjasama serantau, terutamanya melalui penglibatan aktif dan konstruktif dalam rangka kerja ASEAN. Mereka menekankan kepentingan sokongan berterusan dan penglibatan berterusan, seperti yang ditunjukkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa berangkat ke Sidang Kemuncak ASEAN Ke-46, Sidang Kemuncak ASEAN-GCC Ke-2 dan Sidang Kemuncak ASEAN-GCC-China pada 26 dan 27 Mei 2025 di Kuala Lumpur, Malaysia.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia menegaskan semula sokongan penuh NBD terhadap Malaysia sebagai Pengerusi ASEAN dan mengulangi komitmen NBD untuk terus bekerjasama rapat dengan Malaysia bagi memberikan manfaat sosioekonomi yang ketara kepada rakyat ASEAN.

Para pemimpin menggariskan kepentingan untuk mengukuhkan lagi hubungan persaudaraan dan persahabatan yang erat antara rakyat kedua-dua negara melalui pelbagai inisiatif seperti pertukaran pelajar, program latihan, kerjasama dalam budaya, sastera dan hal ehwal agama, serta dalam mempromosikan sejarah dan bahasa Melayu, seterusnya memupuk persefahaman dan perpaduan yang lebih erat merentas generasi.

Para pemimpin melahirkan rasa puas hati dengan kemajuan yang dicapai dalam pelaksanaan 'Exchange of Letters (2009 EOL)' yang ditandatangani pada 2009, yang kekal sebagai perjanjian utama dalam memajukan kerjasama strategik antara kedua-dua negara.

Sehubungan itu, kedua-dua pemimpin mengambil maklum Mesyuarat Ke-26 antara Malaysia dan NBD mengenai Pelaksanaan 'Exchange of Letters', yang diadakan pada 23 Julai 2025 di Kuala Lumpur, Malaysia dan menekankan kepentingan membina momentum, persefahaman bersama dan mengukuhkan kerjasama untuk meningkatkan lagi hubungan dua hala kedua-dua negara.

Kedua-dua pemimpin mengambil maklum tentang isu yang dibangkitkan mengenai Sector F-G, yang masih belum menunjukkan sebarang kemajuan yang ketara. Oleh itu, kedua-dua pemimpin memberi panduan kepada Joint Land Boundary Committee untuk mempercepatkan proses penyelesaian dengan memberi pertimbangan kepada pendekatan konstruktif bagi perkara berkaitan 'Exchange of Notes (2024 EON)' yang ditandatangani pada Ogos 2024.

Mengenai persempadanan dan tinjauan sempadan darat, kedua-dua pemimpin dengan tegas mengesahkan komitmen mereka terhadap EOL 2009, 'Memorandum of Understanding (MoU) on the Process for the Joint Demarcation and Survey of the Land Boundary' yang ditandatangani pada Mac 2012 dan Terms of Reference yang dilampirkan.

Instrumen yang mengikat ini dengan jelas memperuntukkan bahawa mana-mana sempadan darat yang tidak terhad atau tidak bersempadan antara kedua-dua negara akan diselesaikan berdasarkan lima 'Land Boundary Agreements' yang sedia ada, yang bahawa di kawasan yang belum ada perjanjian sedemikian, kedua-dua negara hendaklah berunding semata-mata berdasarkan prinsip tadahan air.

Para pemimpin mengimbas kembali EON 2024 untuk mencapai kemajuan bersama dalam Sector F-G, yang ditandatangani pada ALC Kali Ke-25 pada 26 Ogos 2024 di BSB, NBD dan mengambil maklum keputusan Special Joint Brunei Darussalam-Malaysia Land Boundary Committee Sector F-G yang diadakan pada 8 Mei 2025 dan perbincangan semasa 4th Meeting of the Joint Brunei Darussalam - Malaysia Land Boundary Committee yang diadakan pada 14 Julai 2025 di NBD.

Dalam hal ini, pemimpin menggariskan bahawa resolusi Sector F-G mestilah semata-mata berdasarkan prinsip tadahan air, dan mengulangi komitmen kedua-dua negara untuk bersama-sama menentukan satu tadahan air dalam Sector F-G, dan melengkapkan persempadanan dan tinjauannya menjelang 31 Mei 2027, berpandukan EON 2024.

Para pemimpin melahirkan rasa puas hati mereka dengan komitmen dan kerja keras 'Joint Technical Committee on the Demarcation and Survey of the Land Boundary between Brunei Darussalam and Malaysia', khususnya kemajuan ketara yang dicapai dalam kerja-kerja ukur dan persempadanan bersama sejak 2012, dengan menyatakan bahawa jumlah jarak 214.638 kilometer, bersamaan 41 peratus daripada sempadan tanah, ditandakan dan ditinjau.

Menyedari keperluan untuk mengekalkan momentum, dan dengan kerja persempadanan dan tinjauan bersama yang dijadualkan siap di Sector E-F menjelang 2025, Sektor A-B menjelang 2026 dan Sector F-G menjelang 2027 seperti yang digariskan dalam EON 2024, kedua-dua pemimpin pada dasarnya bersetuju bahawa pertimbangan boleh diberikan kepada 'MoU on Phase Two of the Joint Demarcation and Survey of the Land Boundary', bertujuan untuk mencapai 66 peratus daripada jumlah sempadan tanah menjelang 2028.

Para pemimpin mengiktiraf perbincangan berterusan mengenai isu berkaitan maritim termasuk akses maritim serta kerjasama dalam sektor maritim dan perikanan. Sehubungan itu, para pemimpin turut mengalu-alukan persetujuan penubuhan jawatankuasa Ad-Hoc bersama mengenai perkara berkaitan maritim.

Kedua-dua pemimpin mengiktiraf kerjasama erat dalam sektor tenaga antara NBD dan Malaysia dan mengiktiraf potensi peningkatan kerjasama melalui usaha sama masa depan yang akan membawa manfaat bersama kepada kedua-dua negara.

Sehubungan itu, para pemimpin melahirkan rasa puas hati atas kerjasama erat antara PETRONAS dan Petroleum Authority of Brunei Darussalam, melalui Commercial Arrangement Areas (CAA) dan menggalakkan kedua-dua pihak memajukan projek bersama dan merealisasikan potensi penuh mereka dalam garis masa yang dipersetujui bersama.

Kedua-dua pemimpin menegaskan kepentingan memperdalam kerjasama ekonomi antara NBD dan Negeri Sabah dan Sarawak sebagai pemacu kemakmuran bersama dan integrasi serantau.

Dalam Kenyataan Bersama, kedua-dua pemimpin komited untuk memajukan inisiatif strategik dalam tenaga, kesalinghubungan, pertanian, pelancongan dan industri halal, memanfaatkan sumber perkongsian Borneo dan kelebihan geografi untuk mengukuhkan keselamatan makanan dan tenaga, membina rantaian bekalan yang berdaya tahan dan mewujudkan peluang yang mampan untuk rakyat.

Kedua-dua pemimpin juga mengiktiraf kerjasama berterusan antara NBD dan Negeri Sarawak dengan tujuan untuk meluaskan skop kerjasama tenaga. Sehubungan itu, kedua-dua pemimpin mengalu-alukan kemajuan yang dicapai dalam merealisasikan projek rangkaian salinghubung kuasa rentas sempadan antara Lumut, Kuala Belait dan Tudan, yang bertujuan memastikan bekalan tenaga yang boleh dipercayai dan membuka peluang untuk perdagangan kuasa dua hala antara Negara Anggota ASEAN.

Kedua-dua pemimpin juga menyatakan peranan Sarawak yang semakin meningkat dalam kerjasama tenaga serantau dan mengiktiraf bahawa usaha tersebut akan menyumbang kepada pengukuhan keselamatan tenaga di rantau ini.

Kedua-dua pemimpin turut mengiktiraf peranan sektor swasta dalam meningkatkan kerjasama ekonomi dan mengalu-alukan pembangunan hubungan perniagaan dan komersial yang lebih kukuh melalui penubuhan 'Brunei Darussalam-Sabah Joint Business Council' and 'Brunei Darussalam - Sarawak Joint Business Council'.

Sehubungan itu, mereka mengambil maklum penganjuran 'Brunei Darussalam-Sabah Joint Business Council' yang julung kali diadakan pada 8 Oktober 2024 di Kota Kinabalu, Sabah.

Kedua-dua pemimpin menyokong penubuhan Sarawak Trade and Tourism Office (STATO) di BSB, NBD pada 3 Oktober 2024, dan mengalu-alukan acara 'Cita Rasa dan Tautan Budaya Sarawak-Brunei' pada 2 hingga 3 Ogos 2025 ke arah menjalin lebih dekat pertukaran ekonomi, budaya dan rakyat dengan rakyat.

Dalam pada itu, kedua-dua pemimpin berharap untuk memperdalam hubungan ekonomi melalui penanaman padi komersial dan integrasi ternakan, memanfaatkan sumber pertanian Negeri Sarawak dan Sabah serta penjenamaan halal NBD.

Kerjasama ini akan menyumbang kepada meningkatkan keselamatan makanan, meningkatkan daya tahan rantaian bekalan dan meluaskan akses pasaran.

Kedua-dua pemimpin juga mengiktiraf kerjasama antara Unified National Network (NBD) dan SACOFA (Sarawak) untuk memeterai perjanjian baharu selama tujuh tahun pada 2026, mengenai model pajakan jalur lebar dalam sektor telekomunikasi melalui pengaturan perniagaan ke perniagaan.

Kenyataan Bersama itu juga



menggariskan kepentingan hubungan antara NBD dan Negeri Sabah dan Sarawak, sebagai asas untuk integrasi ekonomi yang lebih erat dan pertukaran rakyat dengan rakyat.

Kedua-dua pemimpin mengalu-alukan usaha Kerajaan NBD dan Royal Brunei (RB) dalam meningkatkan hubungan udara ke Negeri Sabah dan Sarawak.

Kenyataan bersama ini juga mengalu-alukan 'Memorandum of Cooperation' antara RB dan Lembaga Pelancongan Sabah yang ditandatangani pada 30 Jun 2025 di Kota Kinabalu, Sabah, bertujuan untuk meningkatkan sektor pelancongan serta meluaskan kesalinghubungan ke rantau utama, termasuk BIMP-EAGA, ASEAN, Timur Tengah, Oceania, United Kingdom dan Republik India menjelang 2028.

Para pemimpin juga mengalu-alukan hubungan yang lebih baik melalui Jambatan Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien, yang meningkatkan akses darat dan memudahkan perdagangan dan pergerakan rentas sempadan.

Kedua-dua pemimpin juga menantikan penyiapan Lebuhraya Pan Borneo untuk mengukuhkan lagi kesalinghubungan serantau dan mewujudkan peluang yang lebih besar untuk pelancongan dan kerjasama ekonomi yang lebih luas antara NBD dan Negeri Sabah dan Sarawak.

Seterusnya, kedua-dua pemimpin mengambil maklum rundingan berterusan mengenai draf MoU antara NBD dan Negeri Sabah bagi membolehkan pelajar Sabah melanjutkan pelajaran ke peringkat tinggi di NBD. Kedua-dua pemimpin mengalu-alukan inisiatif ini ke arah membangunkan kerjasama pendidikan yang lebih erat dan menantikan kesimpulan awalnya.

Para pemimpin juga mengiktiraf perbincangan mengenai potensi pelaburan di bawah MoU antara Malaysian Investment Development Authority (MIDA) dan Brunei Investment Agency (BIA), yang ditandatangani pada 25 Januari 2023 di BSB, NBD.

Kedua-dua pihak kekal komited untuk mengukuhkan hubungan pelaburan yang saling menguntungkan, termasuk untuk menyokong dan memudahkan inisiatif pelaburan dua hala yang berterusan dan akan datang melalui penglibatan langsung dan kerjasama berasaskan projek.

Para pemimpin memuji kemajuan yang dicapai di bawah 'Treaty on the International Transfer of Prisoners (ITOP)' antara Malaysia dan NBD, yang ditandatangani pada 3 Ogos 2023 di Kuala Lumpur, Malaysia.

>> Muka 7

>> Muka 6

Dalam Kenyataan Bersama ini juga, kedua-dua pemimpin mengiktiraf kejayaan pemindahan pertama warga NBD pada 25 Februari 2025 dan pemindahan enam warga Malaysia pada 6 Ogos 2025, untuk menjalani baki hukuman mereka di negara asal, yang mencerminkan penyelarasan yang sangat baik dan komitmen bersama terhadap keberkesanan pelaksanaan perjanjian.

Kedua-dua pemimpin mengalu-alukan penganjuran Mesyuarat Dua Hala Ke-3 antara Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan, NBD dan Jabatan Imigresen, Malaysia pada 18 Februari 2025 di BSB, NBD.

Mesyuarat itu mengulangi komitmen bersama mereka terhadap pengurusan sempadan yang berkesan dan selamat, dalam menangani perkara utama imigresen, penyelarasan operasi, dan memudahkan pergerakan sempadan yang selamat, teratur dan cekap.

Mesyuarat itu juga menyatakan pendirian NBD untuk mengekalkan waktu operasi sempadan semasa iaitu 6.00 pagi hingga 10.00 malam.

Kebawah DYMM dan Yang Amat Berhormat mengalu-alukan 'Brunei Malaysia Frequent Traveller Programme (BMFTP)' dalam memperkemas perjalanan rentas sempadan bagi pengembara yang kerap dengan mengurangkan penggunaan setem pasport dan pengesahan imigresen.

Kedua-dua pemimpin menyatakan keyakinan bahawa BMFTP akan terus memudahkan mobiliti yang lebih lancar, mengurangkan kesesakan di pusat pemeriksaan sempadan dan meningkatkan kecekapan keseluruhan pergerakan rentas sempadan.

Kedua-dua pemimpin juga menekankan kepentingan bertukar-tukar pengetahuan dan kepakaran dalam pertanian ke arah memastikan keselamatan makanan.

NBD merakamkan penghargaan atas latihan yang disediakan oleh Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) untuk pegawai teknikal Jabatan Pertanian dan Makanan Pertanian Negara Brunei Darussalam (DOAA), yang membantu memudahkan peningkatan sektor pertanian NBD.

Kedua-dua pemimpin mengharapkan kerjasama pertanian berterusan untuk manfaat kedua-dua negara.

Kedua-dua pemimpin melahirkan rasa puas hati dengan kerjasama pertahanan yang erat, yang terus diperkukuh melalui pertukaran lawatan, kursus latihan dan latihan ketenteraan secara berkala, serta memuji sumbangan Angkatan Bersenjata Malaysia (MAF) dan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) dalam menyumbang ke arah pengekalan keamanan dan kestabilan antarabangsa di bawah Pasukan Interim Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu di Lubnan (UNIFIL).

Para pemimpin merakamkan penghargaan mereka atas penyertaan berterusan pegawai pertahanan peringkat tinggi dalam platform utama, termasuk 'Langkawi International Maritime and Aerospace Exhibition 2025 (LIMA '25)', di Langkawi dari 20 hingga 24 Mei 2025 serta berkaitan pertahanan program-program lain.

Kedua-dua pemimpin mengesahkan komitmen mereka untuk terus mengukuhkan kerjasama di bawah pelbagai mekanisme keselamatan dan pertahanan yang diterajui ASEAN, termasuk 'ASEAN Ministerial Meeting on Transnational Crime (AMMTC)', 'ASEAN Defence Ministers' Meeting (ADMM)' dan 'ADMM-Plus', dalam menangani kedua-dua cabaran dan ancaman sekuriti tradisional dan bukan-tradisional.

Para pemimpin menantikan pembaharuan 'MoU on Cooperation in the Field of Higher, Technical and Vocational Education', dan juga memuji kerjasama berterusan antara institusi pendidikan di Malaysia dan NBD termasuk tawaran biasiswa dalam pendidikan tinggi, pertukaran pelajar dan kakitangan akademik dan program mobiliti, serta usaha dalam meneroka kerjasama lanjut dalam latihan teknikal dan vokasional.

Kedua-dua pemimpin menggalakkan agensi berkaitan di NBD untuk meneroka penempatan pelajar Brunei dalam Perbadanan Multinasional (Multinational Corporations - MNC) di Malaysia bertujuan untuk meningkatkan pembangunan kemahiran, kebolehpasaran dan peluang kerjaya.

Para pemimpin mengalu-alukan pemeteraian 'MoU on Health Cooperation' semasa ALC Ke-26 di Kuala Lumpur, Malaysia, dan menekankan komitmen bersama mereka untuk mengukuhkan kerjasama kesihatan dalam bidang farmaseutikal, keselamatan kesihatan, rawatan perubatan, penyakit tidak berjangkit dan kesihatan digital.

Para pemimpin mengiktiraf penubuhan Jawatankuasa Bersama di bawah 'MoU on Cooperation in the Field of Transport' yang ditandatangani pada 26 Ogos 2024 di BSB, NBD. Kedua-dua pemimpin menantikan mesyuarat sulung Jawatankuasa Bersama yang dijadualkan diadakan pada suku keempat 2025.

Kedua-dua pemimpin memuji pengukuhan kerjasama belia dan sukan, yang ditonjolkan oleh penyertaan NBD dalam '4th ASEAN Youth Dialogue' dan the '4th ASEAN Leaders' Interface with ASEAN Youth' pada Mei 2025 di Kuala Lumpur di bawah Pengerusi ASEAN Malaysia, yang memberi tumpuan kepada kepimpinan belia, hubungan dan pembangunan mampan.

Selain itu, kedua-dua pemimpin juga melahirkan rasa gembira dengan penyertaan lama NBD dalam Sukan SUKMA sejak 2000, mencatatkan prestasi terbaiknya di SUKMA XXI di Sarawak pada 2024. Para pemimpin menantikan penyertaan NBD dalam Sukan Borneo 2025 akan datang yang akan diadakan di Kuching, Sarawak pada 24 hingga 28 September 2025 dan menegaskan semula peranan sukan dalam meningkatkan persahabatan dan peluang pembangunan untuk belia kedua-dua negara.

Para pemimpin juga mencatat kemajuan ketara yang dicapai semasa 4th Bilateral Meeting antara Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan (NDMC) NBD dan Agensi Pengurusan Bencana Negara Malaysia (NADMA) yang telah diadakan dari 18 hingga 21 Ogos 2025 di BSB, NBD.

Kedua-dua pemimpin mengalu-alukan perbincangan mengenai penubuhan Disaster Management Working Group (DMWG) di bawah 'MoU on Cooperation in Disaster Management' sebagai langkah penting untuk mengukuhkan dan memperkemas lagi kerjasama dua hala.

NBD merakamkan penghargaan atas sokongan Malaysia melalui Pasukan Khas Bantuan Bencana dan Penyelamat Malaysia (Special Malaysian Disaster Assistance and Rescue Team - SMART) dalam menjalankan misi skop dari 9 hingga 13 Jun 2025 di BSB, NBD.

Para pemimpin bersama-sama mengiktiraf penemuan misi itu sebagai input yang berdaya maju untuk menyokong persiapan NBD ke arah mendapatkan Klasifikasi Luar (External Classification - IEC) Kumpulan Penasihat Mencari dan Menyelamat Antarabangsa Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (United Nations International Search and Rescue Advisory Group - INSARAG).

Para pemimpin mengiktiraf penubuhan Jawatankuasa Bersama di bawah 'MoU on Cooperation in the Areas of Syariah Judiciary', yang merangkumi perkongsian asas penghakiman mahkamah Syariah, aktiviti dan program, pertukaran penerbitan, laporan dan bahan akademik serta penyelidikan bersama dalam bidang perundangan dan undang-undang syariah.

Kedua-dua pemimpin mengesahkan komitmen mereka untuk mengukuhkan kepusatan dan perpaduan ASEAN (ASEAN Centrality and Unity) dalam menegakkan keamanan, kestabilan dan pembangunan serantau di tengah-tengah ketidaktentuan serantau dan antarabangsa. Para pemimpin juga mengesahkan komitmen teguh kerajaan mereka untuk melaksanakan sepenuhnya dan berkesan ASEAN 2045: Our Shared Future, yang diterima pakai pada Sidang Kemuncak ASEAN Ke-46 pada Mei 2025.

Para pemimpin membincangkan perkembangan terkini di Republik Kesatuan Myanmar dan menyatakan kebimbangan mendalam mengenai keganasan dan situasi kemanusiaan yang berterusan di negara itu.

Kedua-dua pemimpin mengulangi pendirian bersatu bahawa Five-Point Consensus (5PC) kekal sebagai rujukan utama ASEAN untuk menangani krisis politik di Republik Kesatuan Myanmar dan seterusnya menggesa pelaksanaan penuh dan berkesan 5PC oleh semua pihak.

Di samping itu, kedua-dua pemimpin menyokong gencatan senjata segera di seluruh negara dan kekal sebagai langkah yang perlu ke arah mewujudkan persekitaran yang kondusif untuk penyampaian bantuan kemanusiaan dan dialog nasional yang inklusif.

Kedua-dua pemimpin seterusnya mengesahkan komitmen mereka untuk bekerjasama rapat dalam ASEAN dan rakan kongsi luar yang lain, untuk menggalakkan kemajuan dalam pelaksanaan 5PC, ke arah penyelesaian yang aman dan berdaya tahan, iaitu yang diterajui Republik Kesatuan Myanmar dan milik Republik Kesatuan Myanmar.

Sehubungan itu, NBD mengalu-alukan usaha berterusan Pengerusi ASEAN, termasuk cadangan lawatan Menteri Luar Malaysia, Republik Indonesia, Republik Filipina dan Thailand ke Republik Kesatuan Myanmar pada 19 September 2025.

Kedua-dua pemimpin merakamkan penghargaan yang mendalam atas langkah positif yang diambil oleh Kerajaan Kemboja dan Kerajaan Thailand untuk mencapai perjanjian gencatan senjata sebagai tindak balas kepada ketegangan baru-baru ini di sepanjang sempadan bersama mereka.

Keputusan mereka untuk mengurangkan permusuhan dan meneruskan penyelesaian diplomatik mencerminkan nilai berkekalan iaitu saling menghormati, tidak campur tangan, dan penyelesaian pertikaian secara aman yang menyokong perpaduan ASEAN.

Para pemimpin menegaskan semula sokongan mereka yang tidak berbelah bahagi untuk semua usaha serantau yang menggalakkan keamanan, kestabilan dan kerjasama.

Dalam semangat perpaduan ASEAN dan kejiranan yang baik, kedua-dua pemimpin menyeru semua pihak untuk terus menegakkan gencatan senjata, terlibat dalam dialog yang membina, dan berusaha ke arah resolusi yang mampan dan aman.

Kedua-dua pemimpin itu mengesahkan komitmen ASEAN untuk terus bekerja rapat dalam mengekalkan keamanan, keselamatan, kestabilan dan keselamatan di rantau ini, dan memastikan kebebasan pelayaran di dalam dan penerbangan di atas Laut China Selatan, mengikut undang-undang antarabangsa, termasuk 1982 United Nations Convention on the Law of the Sea (UNCLOS).

Dalam hal ini, NBD menyatakan sokongan terhadap peranan Malaysia sebagai Penyelaras Negara bagi Hubungan Dialog ASEAN-China dalam memudahkan kerja Kumpulan Kerja Bersama ASEAN-China untuk mencapai kesimpulan awal Tata kelakuan (Code of Conduct - COC) yang berkesan dan substantif yang selaras dengan undang-undang antarabangsa, termasuk UNCLOS 1982.

Kedua-dua pemimpin itu menekankan bahawa isu Palestin kekal sebagai teras konflik di timur tengah dan menyatakan kebimbangan mereka terhadap malapetaka kemanusiaan yang semakin teruk di Semenanjung Gaza, yang disebabkan oleh tindakan pembunuhan beramai-ramai dan pembersihan etnik yang berterusan yang dilakukan oleh Israel, Occupying Power (Kuasa Pendudukan).

Mereka mengutuk sekeras-kerasnya keganasan tanpa memilih kedudukan dan sekatan sepenuhnya terhadap akses kemanusiaan dan penyampaian bantuan kepada rakyat Palestin, yang mengakibatkan korban beramai-ramai, pemindahan paksa yang meluas, kebuluran sistematik dan kekurangan bekalan yang menyelamatkan nyawa yang kritikal.

Kedua-dua pemimpin menyatakan kecaman dan penolakan yang kuat terhadap kenyataan yang dibuat oleh Occupying Power, termasuk keputusan yang menyalahi undang-undang untuk menduduki sepenuhnya Semenanjung Gaza, serta visi pengembangan haramnya tentang apa yang dipanggil 'Greater Israel', yang merupakan pelanggaran berterusan dan serius undang-undang antarabangsa, termasuk undang-undang kemanusiaan antarabangsa, Piagam Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan resolusi PBB yang berkaitan. Ia seterusnya menunjukkan pengabaian terang-terangan terhadap prinsip asas kemanusiaan dan peraturan antarabangsa berasaskan peraturan.

Para pemimpin menggesa masyarakat antarabangsa untuk bertindak tegas untuk menamatkan kitaran *impunity*, termasuk memastikan penghormatan terhadap undang-undang antarabangsa, tanggungjawabnya dalam melindungi hak rakyat Palestin ditegakkan, dan memastikan akses kemanusiaan segera dan tanpa halangan. Kedua-dua pemimpin juga menekankan gesaan mendesak untuk gencatan senjata kekal dan menangani punca utama dengan tujuan untuk menamatkan pendudukan dan pencerobohan selama beberapa dekad oleh Occupying Power.

Kedua-dua pemimpin itu menegaskan sokongan padu dan solidariti yang tidak berbelah bahagi dengan rakyat Palestin dalam perjuangan mereka untuk keamanan, kebebasan dan hak yang tidak boleh dipisahkan untuk menentukan nasib sendiri.

Mereka menggariskan bahawa penyelesaian yang adil dan tahan lama kepada konflik mesti diteruskan melalui cara yang aman, berasaskan undang-undang antarabangsa, undang-undang kemanusiaan antarabangsa, dan resolusi PBB yang berkaitan.

Kedua-dua pemimpin mengalu-alukan peningkatan sokongan global untuk mengiktiraf Negara Palestin, tanpa prasyarat. Ini adalah langkah positif ke arah merealisasikan Negara Palestin yang berdaulat dan merdeka berdasarkan sempadan sebelum 1967 dengan Baitulmaqdis Timur sebagai ibu kotanya di bawah penyelesaian dua negara. Kedua-dua pemimpin juga menggesa semua negara yang masih belum mengiktiraf Negara Palestin untuk berbuat demikian.

Kebawah DYMM turut mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Perdana Menteri Malaysia serta ucapan selamat sejahtera kepada kerajaan dan semua rakyat Malaysia, sempena Hari Kemerdekaan Malaysia yang Ke-68 pada 31 Ogos 2025.

Kedua-dua pemimpin melahirkan rasa puas hati dengan hasil perbincangan mereka dan menyatakan komitmen untuk memajukan hubungan dan kerjasama dua hala. Para pemimpin juga menekankan kepentingan pelaksanaan berterusan Exchange of Letters.

Para pemimpin bersetuju untuk mengadakan ALC Ke-27 di NBD pada tahun 2026.

# DIKIR MAULUD, TAZKIRAH TERUS DISEMARAKKAN

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama hadir Dikir Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam di Surau, Istana Nurul Iman. Turut hadir, Yang Mulia Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 28 Ogos. - Istana Nurul Iman terus diimarahkan dengan Dikir Maulud daripada rombongan lelaki dan perempuan yang diadakan secara berasingan bersempena menyambut Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam pada tahun ini.

Hadir bersama rombongan di Surau, Istana Nurul Iman malam tadi ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman.

Juga hadir, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan; Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim; Ra'es Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Profesor Madya Dr. Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani; Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan) KHEU, Awang Haji Shamshol bin Haji Omar dan Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan) KHEU, Awang Misle bin Haji Abdul Karim.

Sejurus selesai menunaikan Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah, majlis diteruskan dengan bacaan Sayyidul Istighfar diikuti dengan bacaan Surah Al-Fatihah oleh Awang Amin bin Haji Salim.

Ayat Al-Quran iaitu Surah Ad-Duha dibacakan oleh Awang Haji Nasrul bin Haji Yahya diikuti dengan Penolong Pegawai Ugama di Pejabat Unit Da'wah Belait, Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Awang Abdul Khaliq bin Kamree menyampaikan tazkirahnya bertajuk 'Zaman Rasulullah ketika Kanak-kanak dan Remaja'.

Dalam tazkirahnya antara lain menggariskan beberapa perkara iaitu kasih sayang keluarga adalah sumber ketenangan, walaupun setelah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam menjadi yatim piatu, datuk dan bapa saudaranya tetap memberi kasih sayang dan perlindungan baginya. Ini mengajar kita bahawa setiap ahli keluarga perlu menjadi sumber ketenangan bagi yang lain.

Menurut Awang Abdul Khaliq lagi, kasih yang ikhlas melahirkan insan berakhlak mulia iaitu Rasulullah dibesarkan dengan penuh kasih oleh Halimah As-Sa'diah (ibu susuan Baginda), Abdul Muttalib dan Abu Talib walaupun mereka bukan orang kaya. Kasih sayang yang ikhlas lebih bernilai daripada harta.

Sementara itu tambahnya, didikan yang membentuk kekuatan jiwa yang menerangkan bahawa setelah diuji dengan pemergian ibu bapa dan hidup di dalam kesederhanaan dan dikelilingi dengan orang-orang jahiliah, menjadikan Baginda seorang yang tabah dan tidak manja dengan kemewahan, bahkan Baginda tetap tumbuh ke arah kesempurnaan badan, akal, budi dan adab sopan santun.

Sementara itu, pekerjaan yang membina keperibadian yang hebat. Semasa remaja, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bekerja sebagai pengembala kambing, kemudian Baginda diberikan amanah dalam menguruskan perdagangan. Daripada pekerjaan-pekerjaan itu, Baginda menunjukkan sifat kejujuran, kebijaksanaan dan amanah sehingga Baginda digelar 'al-Amin'.

Kesimpulan yang disampaikan adalah kasih sayang dan perlindungan daripada keluarga, walaupun dalam kesederhanaan, menciptakan ketenangan jiwa dan keyakinan diri yang mendalam. Pelbagai ujian hidup yang dilalui mengasah ketabahan dan kekuatan mental.

Sementara di ruang lain istana pula bagi rombongan perempuan yang turut sama mengimarahkan Dikir Maulud dan Majlis Keagamaan.

Tazkirah yang disampaikan oleh Dayang Norhayati binti Haji Abdul Rahman bertajuk 'Kasih Sayang Keluarga Melahirkan Insan Berakhlak Mulia' menjelaskan, keluarga merupakan unit kecil dalam masyarakat yang memainkan peranan penting dalam pembentukan akhlak dan pembangunan negara.

Keluarga merupakan sekolah yang pertama dan utama dalam pembentukan karakter. Allah telah memilih Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam sebagai suri teladan bagi sekalian umat manusia.

"Oleh itu yang awal sekali *kitani* terap dan didik adalah memupuk akhlak yang baik dengan menerbitkan dan menyuburkan rasa kasih sayang dalam kalangan keluarga. Ini kerana kasih sayang membawa kepada perpaduan, mengundang rahmat dan keberkahan dan ia juga tanda keimanan," katanya.

Berbalik perjalanan hidup Rasulullah semasa kanak-kanak tambahnya, sangat mengagumkan bagaimanapun Baginda tetap membesar dengan akhlak yang mulia dan memiliki jati diri yang kuat.

Rasulullah katanya, lahir dalam keadaan yatim kemudian menjadi piatu dan Kota Mekah dan persekitarannya pada ketika itu dipengaruhi dengan amalan-amalan, pemikiran-pemikiran yang tidak sihat dan juga toksik. Tetapi Allah Subhanahu Wata'ala telah mengatur dan meletakkan insan-insan istimewa di sisi Rasulullah.

Ada tiga individu, Rasulullah hidup bersama keluarga angkat, datuknya dan bapa saudaranya. Setiap daripada mereka ini berperanan penting dalam menyumbang kepada pembentukan akhlak Baginda dan setiap penempatan ada pengambilannya.

Tinggal bersama Halimah al-Sa'diah, Baginda tetap dilimpahi dengan kasih sayang. Walaupun tidak ada kasih sayang seorang ayah, nada pelukan hangat ciuman ibu tetapi melalui keluarga Halimah al-Sa'diah, Baginda tetap merasakan kasih sayang kedua ibu bapa. Bahkan Halimah dan keluarganya sangat menyayangi Rasulullah lebih daripada mereka menyayangi anak-anak sendiri.

Apa yang menarik juga di sepanjang tempoh Rasulullah hidup bersama keluarga Halimah al-Sa'diah, banyak keberkatan yang luar biasa yang dialami dan dirasai oleh keluarga Halimah antaranya binatang tunggangan mereka lebih laju sampai ke rumah, tanah yang kering menjadi subur, air susu menjadi banyak, binatang ternakan jadi gemuk dan kehidupan mereka menjadi lebih baik. Menyantuni dan menyayangi anak-anak yatim merupakan perintah Allah dan juga sunnah nabi.

Majlis Dikir Maulud pada malam kelima diimarahkan daripada rombongan KHEU, KUPU SB, Takmir Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah dan Kumpulan Belia Masjid Kampung Bengkurong.

# Komited terhadap peralihan tenaga adil, inklusif




YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II selaku Menteri Yang Bertanggungjawab ke atas Tenaga kini berada di Busan, Republik Korea menghadiri Mesyuarat Menteri-menteri Tenaga APEC (APEC EMM) Ke-15 di Nurimaru APEC House dari 27-28 Ogos 2025.

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Perdana Menteri

>> Muka 1

Kerjasama Ekonomi Asia-Pasifik (APEC) ialah forum serantau yang ditubuhkan pada tahun 1989 dengan tujuan untuk menggalakkan pertumbuhan ekonomi yang mampan di rantau Asia-Pasifik melalui integrasi ekonomi yang lebih besar, kerjasama teknikal, dan perdagangan dan pelaburan bebas dan terbuka.

Kerjasama tenaga adalah elemen utama agenda pelbagai hala APEC. Bersama-sama, ekonomi APEC membentuk lebih daripada 60 peratus daripada penggunaan tenaga dunia, hampir separuh daripada semua perdagangan dan KDNK.

Sebagai Pengerusi APEC 2025, Republik Korea mengadakan APEC EMM Ke-15 di bawah tema 'Accelerating Sustainable, Affordable, Reliable, Secure and Innovative Energy for a Prosperous Future' dan sejajar dengan tema keseluruhan APEC 2025 theme 'Building a Sustainable Tomorrow: Connect, Innovate, Prosper'.

Mesyuarat itu menampilkan tiga sesi tematik yang memberi tumpuan kepada keutamaan tenaga utama untuk rantau ini.

Sesi pertama, 'peluasan tenaga elektrik untuk bekalan stabil', meneroka peranan sektor awam dan swasta dalam menggerakkan pelaburan strategik, membentuk strategi serantau dan memajukan dasar dan inovasi teknologi untuk menyampaikan tenaga elektrik yang berpatutan, selamat dan pelbagai.

Sesi kedua, 'memperkukuh keselamatan dan kebolehpercayaan grid', menangani pemodenan dan pengembangan infrastruktur penghantaran, menekankan penyelesaian grid pintar, fleksibiliti grid yang dipertingkatkan dan kerjasama rentas sempadan untuk menyokong daya tahan tenaga.

Sementara, sesi terakhir, 'inovasi tenaga didorong AI', menyerlahkan potensi transformatif kecerdasan buatan dalam sistem tenaga, mempamerkan amalan terbaik, menangani cabaran penerimaan dan menggalakkan kerjasama serantau untuk mempercepatkan penggunaan AI merentas ekonomi APEC.

Pada pembukaan Mesyuarat Menteri-menteri Tenaga APEC Ke-15, Negara Brunei Darussalam mengesahkan komitmennya terhadap peralihan tenaga yang adil dan inklusif sejajar dengan tema tahun ini.

Dalam konteks Negara Brunei Darussalam, peralihan tenaga melangkaui penambahan tenaga boleh diperbaharui, ia adalah mengenai penyepaduan bertanggungjawab dan strategik minyak dan gas tradisional dengan sumber tenaga yang lebih bersih untuk mengekalkan pertumbuhan ekonomi, menjaga keselamatan tenaga dan memenuhi komitmen iklim.

Pendekatan seimbang ini mencerminkan landskap tenaga Brunei yang unik dan keazamannya untuk beralih ke arah masa depan rendah karbon.

Sebagai sebahagian daripada usaha ini, negara menyasarkan 30 peratus bahagian boleh diperbaharui dalam jumlah kapasiti penjanaan kuasa menjelang 2035 dan sedang memajukan pembangunan projek fotovoltaik solar terbesarnya - loji 30MW yang dijadualkan siap menjelang 2026.

Para menteri juga berpeluang menyumbang kepada perbincangan di bawah sesi tematik kedua, 'Strengthening Grid Security and Reliability'.

Dalam ucapannya, Yang Berhormat menekankan bahawa grid kuasa moden, berdaya tahan dan fleksibel adalah asas kepada keselamatan tenaga dan peralihan tenaga yang berjaya.

Beliau menekankan keperluan untuk dasar yang diselaraskan, peningkatan infrastruktur dan persekitaran yang membolehkan kerjasama awam-swasta untuk menangani cabaran seperti peningkatan permintaan, *intermittency* boleh diperbaharui dan sistem grid penuaan.

Negara Brunei Darussalam kini sedang meneroka Sistem Penyimpanan Tenaga Bateri (BESS) skala utiliti untuk menyokong integrasi solar dan memenuhi sasaran 30 peratus tenaga boleh diperbaharui dalam kapasiti kuasa terpasang menjelang 2035.

Yang Berhormat juga menekankan kepentingan kerjasama serantau melalui inisiatif seperti Grid Kuasa ASEAN, dengan mengambil kira komitmen Brunei melalui projek interkoneksi Brunei-Sarawak.

Beliau menegaskan semula peranan perkongsian awam-swasta, termasuk penggunaan solar dan inisiatif pemeteran bersih, dalam memajukan daya tahan tenaga kebangsaan dan serantau.

Campur tangan itu diakhiri dengan seruan untuk kerjasama yang lebih mendalam merentas ekonomi APEC untuk membina sistem elektrik yang selamat, mampan dan inklusif.

Di luar mesyuarat itu, para menteri juga berpeluang mengadakan sesi rangkaian ringkas dengan ketua delegasi lain dari ekonomi APEC, termasuk Timbalan Perdana Menteri Malaysia, juga Menteri Tenaga Peralihan dan Transformasi Air, Yang Amat Berbahagia Dato' Sri Haji Fadillah Yusof, dan Menteri Negara bagi Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan & Industri dari Singapura, Tuan Yang Terutama Gan Siow Huang.

APEC EMM Ke-15 juga mengesahkan Kenyataan Bersama Menteri-menteri sebagai sebahagian daripada penyampaian tahun ini.

Mesyuarat APEC EMM seterusnya akan diadakan di Republik Rakyat China pada 2026.

# Majlis Bercorak Keagamaan diteruskan di INIM



YANG Berhormat Menteri Kesihatan hadir bagi sama-sama menyemarakkan majlis berkenaan yang telah berlangsung di Istana Nurul Iman (atas), manakala gambar bawah, sebahagian daripada pegawai dan kakitangan dari Kementerian Kesihatan yang menghadiri majlis tersebut.



**Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim**
**Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Jumaat, 29 Ogos. - Majlis Bercorak Keagamaan bersempena Sambutan Maulidur Rasul Sallallahu Alaihi Wasallam diteruskan lagi bagi malam keenam di Istana Nurul Iman dengan kehadiran pegawai dan kakitangan dari Kementerian Kesihatan, Jabatan Pengajian Islam (JPI), Majlis Perundingan Kampung (MPK) Daerah Brunei dan Muara dan Kumpulan Belia Masjid (KBM) Masjid Pehin Datu Imam (PDI) Haji Abdul Mokti, Kampung Burong Pingai Ayer.

Hadir bagi sama-sama menyemarakkan majlis tersebut ialah Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar.

Majlis dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah, diikuti dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran daripada Guru Sekolah Arab, Awang Hazwan bin Haji Salim.

Kemudian majlis diteruskan dengan tazkirah bertajuk 'Menyemai Rasa Cinta Kepada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam' yang disampaikan oleh Awang Haji Abdul Mu'iz bin Haji Amat.

Majlis juga diserikan dengan persembahan Dikir Assalamualaika, Dikir Khairuman dari MPK Daerah Brunei dan Muara; Dikir Bisyahrin dari KBM Masjid PDI Haji Abdul Mokti, Kampung Burong Pingai Ayer; Dikir Al-Hamdu dan Dikir Badat dari pegawai dari JPI, Bahagian Sekolah Umum (Pendidikan Islam).

Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Dikir dan Doa Peliharakan Sultan sebagai tanda kesyukuran serta doa berterusan untuk kesejahteraan negara dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Sementara itu, majlis yang serupa turut berlangsung di Surau Kecil, Istana Nurul Iman bagi jemaah wanita. Antara yang hadir pada majlis itu ialah Pemangku Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Dr. Hajah Rafidah binti Haji Gharif.

Majlis berkenaan diserikan dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran oleh Dayangku Siti Ummi Syazana binti Pengiran Haji Marzuki dan tazkirah bertajuk 'Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam' yang disampaikan oleh Dayang Rossme binti Abd. Rahman.

Majlis turut diserikan dengan persembahan Dikir Assalamualaika, Dikir Khairuman dari MPK Daerah Brunei dan Muara; Dikir Bisyahrin dari KBM Masjid PDI Haji Abdul Mokti, Kampung Burong Pingai Ayer; Dikir Al-Hamdu dan Dikir Badat dari pegawai dari JPI, Bahagian Sekolah Arab.

## 150 sertai Khatam Al-Quran sempena Konvokesyen UTB 2025

**Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin**
**Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas**



YANG Berhormat Menteri Pembangunan selaku Timbalan Pengerusi Majlis UTB hadir di majlis khatam Al-Quran berkenaan.

**KIARONG**, Khamis, 28 Ogos. - Seramai 150 peserta yang terdiri daripada 50 mahasiswa dan 100 mahasiswi petang tadi diraikan pada Majlis Khatam Al-Quran sempena Konvokesyen Universiti Teknologi Brunei (UTB), Tahun 2025 yang berlangsung di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kampung Kiarong, di sini.

Hadir ialah Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid, selaku Timbalan Pengerusi Majlis UTB.

Atur cara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh Menteri Pembangunan, diikuti dengan bacaan Surah Ad-Dhuha hingga Surah Al-Masad oleh para peserta, dipimpin oleh Awang Muhammad Naqib Ahwazie bin Muhammad Ali Khairi, bakal graduan dari program Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan dalam Kejuruteraan Mekanikal.

Acara kemudiannya diteruskan dengan bacaan takhtim dan Doa Khatam oleh Awang Muhammad Irsyad bin Nor Isa, bakal graduan dari program Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan dalam Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik.

Yang Berhormat Menteri Pembangunan kemudian menyampaikan sijil dan cenderamata kepada peserta khatam lelaki, manakala Naib Canselor UTB, Profesor Datin Paduka Dr. Dayang Hajah Zohrah binti Haji Sulaiman menyampaikan kepada peserta khatam perempuan.

Majlis diakhiri dengan Doa Selamat dibacakan oleh Pegawai Hal Ehwal Ugama, Masjid Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Awang Abdul Aziz bin Abdullah.

Pada Majlis Konvokesyen UTB, Tahun 2025 yang akan datang, seramai 566 bakal graduan akan menerima ijazah pada 3 September 2025 di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

## MEMPERKUKUHKAN KERJASAMA SEKTOR PENGANGKUTAN, PUPUK PERTUMBUHAN EKONOMI BERSAMA



YANG Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC) menerima kunjungan muhibah daripada Yang Berhormat Menteri Pengangkutan Sarawak. Turut hadir ialah Setiausaha Tetap di MTIC, Timbalan Setiausaha Tetap (Infokomunikasi) di MTIC dan Timbalan Setiausaha Tetap (Pengangkutan) di MTIC.

**Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi**

**>> Muka 1**

Turut hadir ialah, Setiausaha Tetap di MTIC, Ir. Awang Haji Mohammad Nazri bin Haji Mohammad Yusof; Timbalan Setiausaha Tetap (Infokomunikasi), Awang Haji Hairul Mohd. Daud bin Haji Abdul Karim; dan Timbalan Setiausaha Tetap (Pengangkutan) di MTIC, Awang Haji Mohammad Salihin bin Haji Aspar.

Manakala, turut mengiringi Menteri Pengangkutan Sarawak, Malaysia ialah Timbalan Menteri Pengangkutan Sarawak (Aviation and Road), Datuk Dr. Jerip anak Susil; Pemangku Setiausaha Tetap Kementerian Pengangkutan Sarawak, Tuan Selamat Jati Yanjah; dan Timbalan Pesuruhjaya Tinggi Malaysia di Negara Brunei Darussalam.

Lawatan rasmi diteruskan dengan Mesyuarat Dua Hala antara MTIC dan Kementerian Pengangkutan Sarawak.

Mesyuarat tersebut dipengerusikan bersama oleh Setiausaha Tetap di MTIC, Ir. Awang Haji Mohammad Nazri dan Menteri Pengangkutan Sarawak, Malaysia, Yang Berhormat Datuk Sri Lee Kim Shin.

Mesyuarat berkenaan turut dihadiri oleh Timbalan Setiausaha Tetap (Pengangkutan) di MTIC dan pengarah-pengarah jabatan serta pegawai-pegawai kanan MTIC; Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri; Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan; Jabatan Pengangkutan Darat; Jabatan Penerbangan Awam; Pihak Berkuasa Maritim dan Pelabuhan Brunei Darussalam; Pasukan Polis Diraja Brunei; Jabatan Kastam dan Eksais Diraja; Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan; dan Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei; serta delegasi Kementerian Pengangkutan Sarawak, Malaysia.

Mesyuarat membincangkan beberapa perkara utama termasuk pertukaran maklumat mengenai dasar dan pencapaian projek sektor pengangkutan serta rentas sempadan yang telah dan sedang dilaksanakan oleh kedua-dua pihak; perbincangan kerjasama dua hala dalam meningkatkan pergerakan kenderaan, penumpang dan barangan merentas sempadan serta usaha memperkukuhkan ketersambungan dengan negara-negara serantau; dan perkongsian maklumat mengenai agenda kelestarian sektor penerbangan di peringkat rantau.

Pada sebelah petang, Yang Berhormat Menteri Pengangkutan Sarawak turut mengadakan sesi perjumpaan bersama syarikat-syarikat berkaitan dengan logistik termasuk penerbangan dan perkapalan tempatan Negara Brunei Darussalam.

Lawatan rasmi ini bertujuan memperkukuh kerjasama dua hala dalam bidang pengangkutan dan logistik, khususnya bagi meningkatkan pergerakan penumpang dan barangan, memupuk pertumbuhan ekonomi bersama, serta meneroka peluang kerjasama yang lebih erat di antara Negara Brunei Darussalam dan Sarawak, Malaysia.

Kunjungan ini juga menandakan komitmen berterusan kedua-dua pihak dalam mempererat hubungan dua hala serta membuka lebih banyak peluang kerjasama yang mampu memberikan manfaat bersama kepada rakyat dan ekonomi kedua-dua pihak.

# TRANSFORMASI DIGITAL PEMANGKIN PERTUMBUHAN EKONOMI, MEMPERKASA TENAGA KERJA



YANG Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi berucap pada Bengkel Transformasi Digital Brunei di Dewan Mawaddah, Setia Point, Berakas (atas), manakala gambar bawah kanan, antara yang hadir pada bengkel tersebut.

**Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pengangkutan dan Infokumunikasi**

**BERAKAS**, Rabu, 27 Ogos. - Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC) bersama Pihak Berkuasa Industri Teknologi Info-komunikasi Negara Brunei Darussalam (AITI), baru-baru ini telah mengadakan Bengkel Transformasi Digital Brunei di Dewan Mawaddah, Setia Point, Berakas.

Bengkel sehari tersebut bertujuan untuk melibatkan pihak-pihak berkepentingan di dalam menggubal Digital Brunei TransformaCon Plan yang merupakan kesinambungan dan pembaharuan kepada Pelan Induk Ekonomi Digital 2025 yang akan berakhir pada penghujung tahun ini.

Lebih daripada 100 peserta telah mengambil bahagian dan terdiri daripada Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Mulia Timbalan-timbalan Menteri, Setiausaha-setiausaha Tetap, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap, wakil-wakil kementerian dan agensi-agensi kerajaan, institusi pengajian tinggi, sektor industri dan organisasi bukan kerajaan (NGO) yang memainkan peranan penting dalam pembangunan digital negara.

Bengkel dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan doa, diikuti dengan ucapan alu-aluan oleh Setiausaha Tetap di MTIC, Ir. Awang Haji Mohammad Nazri bin Haji Mohammad Yusof, selaku Setiausaha Majlis Digital Brunei.

Dalam ucapannya, beliau menekankan kepentingan bengkel ini sebagai platform yang menghimpunkan pandangan daripada sektor awam dan swasta, bukan sahaja untuk membincangkan hala tuju kerajaan, tetapi juga untuk bersama-sama membentuk tindakan dan inisiatif yang akan memacu fasa seterusnya bagi transformasi digital Brunei.

Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha dalam ucapannya menjelaskan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di dalam titah sempena Sambutan Hari Keputeraan baginda ke-79 Tahun telah memperkenankan penyediaan Digital Brunei Transformation Plan.

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi menegaskan bahawa transformasi digital tidak dapat dicapai oleh kerajaan semata-mata, malah memerlukan usaha kolektif yang menyatukan sektor awam, industri swasta, institusi akademik dan masyarakat umum ke arah hala tuju yang sama.

Menurut Yang Berhormat, Digital Brunei Transformation Plan mestilah menjadi pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi, memperkasa tenaga kerja dengan kemahiran digital serta memastikan keterangkuman dan kepercayaan digital dalam masyarakat.

Justeru, bengkel ini amat penting kerana ia bukan sekadar membincangkan teknologi tetapi turut menentukan bagaimana transformasi digital akan membentuk ekonomi, masyarakat dan masa depan negara.

Tiga hasil utama yang dihasratkan daripada bengkel ini ialah senarai tindakan keutamaan, dasar-dasar sokongan, serta komitmen bersama antara kerajaan, industri dan masyarakat dalam usaha untuk bergerak maju secara seiring.

Bengkel turut menampilkan pembentangan mengenai Digital Brunei Transformation Plan yang telah disampaikan oleh Pemangku Pengarah Bahagian Teknologi dan Inovasi, MTIC, Pengiran Dr. Adrian bin Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman, selaku Sekretariat Majlis Digital Brunei.

Pembentangan tersebut turut menggariskan inisiatif yang telah dan sedang dilaksanakan oleh pelbagai pihak di dalam menyokong Pelan Induk Ekonomi Digital 2025, serta strategi peringkat tinggi bagi pelaksanaan transformasi digital negara.

Difasilitasi oleh Long Street Advisor (LSA), bengkel ini turut mengetengahkan beberapa sesi perbincangan berkumpulan, di mana para peserta membincangkan tindakan-tindakan utama, keperluan dasar serta penglibatan pelbagai institusi.

Perbincangan tersebut menjurus kepada enam bidang utama, iaitu keutamaan digital kerajaan tenaga kerja berkemahiran digital, keterangkuman dan keselamatan masyarakat, ekonomi digital, teknologi sedia masa depan serta Kecerdasan Buatan (AI).

Bengkel diakhiri dengan ucapan rumusan oleh Setiausaha Tetap di MTIC, yang menekankan komitmen berterusan semua pihak dalam menjayakan agenda transformasi digital Brunei sebagai tonggak penting ke arah pencapaian Wawasan Brunei 2035.



# HBK20 Fest siapkan belia progresif, berdaya tahan



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya melancarkan Festival Hari Belia Kebangsaan (HBK20 Fest) (kanan), manakala gambar atas, Yang Berhormat mengadakan lawatan ke petak pameran festival.



**Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani**
**Foto : Hernie Suliana Haji Othman**

**BERAKAS**, Jumaat, 29 Ogos. - Bagi memeriahkan suasana dan memperluas penyertaan belia serta masyarakat umum, Festival Hari Belia Kebangsaan (HBK20 Fest) dilancarkan petang tadi berlangsung di Hab Belia, Stadium Negara Hassanal Bolkiah, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya melancarkan festival tersebut ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi Mohamad.

Pada majlis pelancaran tersebut, tetamu kehormat juga mengadakan lawatan ke petak-petak pameran festival bagi menyaksikan secara dekat aktiviti dan pengisian HBK20 Fest.

Dianjurkan sebagai pengisian utama kepada Sambutan HBK, festival tersebut akan berlangsung selama tiga hari bermula hari ini hingga 31 Ogos 2025 dengan pelbagai program utama dan aktiviti sampingan yang berimpak, inklusif dan mesra belia. HBK20 Fest merangkumi tiga program utama iaitu Youth Café Dialogue; YouthXperience; dan Youth Market Vibes.

Adapun objektif utama festival diadakan adalah untuk memastikan suara dan penglibatan belia dihargai dan diambil kira dalam *formulation* dasar belia dengan memberi ruang terbuka dan inklusif untuk menyuarakan pandangan dan cabaran mereka, serta bersama mencari penyelesaian yang praktikal dan bermakna sebagai input penting bagi Kongres Belia Kebangsaan dan Dasar Belia Negara dan Strategi (DBNS) 2020-2035.

Selain itu, ia juga bertujuan untuk meningkatkan pendedahan belia terhadap peluang penyertaan aktif dalam masyarakat, memupuk aktivisme dan kepimpinan serta membuka ruang kerjasama dan penglibatan baharu dengan persatuan-persatuan yang memperkukuh jaringan dan ekosistem pembangunan belia secara menyeluruh.

Di samping, ia juga untuk menggalakkan penyertaan belia dan orang ramai dengan aktiviti-aktiviti santai dan kreatif, di samping menggalakkan kesihatan fizikal dan mental.

HBK20 Fest bukan sekadar sambutan tetapi sebuah platform yang menyatukan suara, bakat dan aspirasi belia tempatan.

Dengan pendekatan yang inklusif dan kolaboratif, festival ini menghimpunkan pemimpin belia, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO), komuniti, sektor swasta dan pihak kerajaan dalam satu ekosistem yang saling menguatkan antara satu sama lain.

Kejayaan festival ini bergantung kepada sokongan padu semua pihak, daripada rakan strategik dan penaja, sehinggalah sukarelawan dan peserta.

Dengan semangat 'All for You(th)', kita bukan sahaja meraikan dua dekad pencapaian belia, tetapi juga mempersiapkan mereka untuk masa depan yang siaga, progresif dan berdaya tahan.

# IN:STALL @YDC COFFEEBIZ 2025 KETENGAHKAN USAHAWAN KOPI





**YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan melancarkan acara IN:Stall @YDC CoffeeBiz 2025 (atas), manakala gambar kanan, Yang Berhormat berbual bersama para pengusaha kopi yang menyertai acara berkenaan.**

**Oleh : Khartini Hamir**
**Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi**

**BERAKAS**, Jumaat, 29 Ogos. - Bersempena Sambutan Hari Belia Kebangsaan Kali Ke-20, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan melalui Pusat Pembangunan Belia, dengan kerjasama Futurebrands dan Vigorous Event Management menganjurkan acara IN:Stall @YDC CoffeeBiz 2025.

Acara ini akan berlangsung dari 29 hingga 31 Ogos 2025, bertempat di Hab Sukan, Stadium Negara Hassanal Bolkiah, bermula pukul 3.00 petang hingga 10.00 malam.

Majlis pelancaran rasmi disempurnakan petang tadi oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi Mohamad.

Bertemakan 'Brewing Youth Entrepreneurship', acara ini menghimpunkan sebanyak 35 reruai kopi dan *matcha* di Negara Brunei Darussalam yang merupakan manifestasi nyata komitmen negara menyediakan platform dalam memperkukuh ekosistem pembangunan belia yang inklusif dan berdaya saing.

IN:Stall @YDC CoffeeBiz 2025 bukan sahaja meraikan budaya kopi yang semakin berkembang dalam kalangan masyarakat, malah berperanan sebagai platform strategik untuk membina komuniti usahawan belia yang berdaya tahan dan berdaya saing daripada kalangan komuniti pengusaha kopi.

Usaha ini juga selaras dengan hasrat murni dan aspirasi Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk melahirkan generasi belia yang mampu menyumbang secara aktif kepada pembangunan sosioekonomi negara.

Acara ini turut menampilkan aktiviti seperti Brew Talks, Latte Art Challenge dan pameran teknologi berkaitan industri kopi, yang bukan sahaja meraikan kreativiti belia tetapi juga memperkukuh sinergi antara belia, industri dan kerajaan.

Dengan sokongan padu daripada pelbagai rakan kolaborasi serta sambutan positif masyarakat, IN:Stall @YDC CoffeeBiz 2025 diyakini menjadi penanda aras penting dalam memperkukuh ekosistem keusahawanan belia di Negara Brunei Darussalam melalui Pendekatan Senegara ke arah mencapai matlamat-matlamat Wawasan Brunei 2035.

# Majlis Dikir meriahkan Sambutan Maulidur Rasul



**SETIAUSAHA Tetap (Keselamatan dan Kesejahteraan), Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Dikir sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam (atas), manakala gambar bawah, sebahagian yang turut hadir mengimarahkan lagi majlis berkenaan.**

**Berita dan Foto : Ak. Mohd. Zaki Pg. Haji Kasharan**

**BELAIT,** Khamis, 28 Ogos. - Bagi menyemarakkan lagi sambutan hari-hari kebesaran Islam, malam tadi Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) dan jabatan-jabatan di bawahnya telah mengadakan Majlis Dikir sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bertempat di Masjid Kampung Pandan.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Setiausaha Tetap (Keselamatan dan Kesejahteraan), KHEDN, Awang Salminan bin Haji Burut.

Majlis dimulai dengan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah, diikuti bacaan Dikir Maulud serta Doa Allah Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam (NBD) sebelum diakhiri dengan bacaan doa agar NBD terselamat daripada bala dan segala penyakit.

Majlis yang diadakan bagi memeriahkan lagi suasana Sambutan Maulidur Rasul turut menggalakkan warga kementerian untuk terus berselawat dan memuji Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh bin Haji Othman, Penghulu Mukim Bukit Sawat; dan Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah@Lim Swee Ann, Ketua Kampung Bukit Sawat; ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai kanan, pegawai-pegawai dan kakitangan KHEDN dan jabatan-jabatan di bawahnya serta penghulu-penghulu mukim dan ketua-ketua kampung, Ahli-ahli Jawatankuasa Takmir Masjid dan Ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung.



# Doa Kesyukuran sempena 41 Tahun Perkhidmatan Hospital RIPAS

**Oleh : Aimi Sani**
**Foto : Mohammad Hasif Matzin**



**PEMANGKU Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Pengurusan), Kementerian Kesihatan hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Doa Kesyukuran tersebut yang diadakan Surau Nuurul 'Inayah, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha.**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 28 Ogos. - Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) mengadakan Majlis Doa Kesyukuran bersempena 41 Tahun Perkhidmatan Hospital RIPAS bertempat di Surau Nuurul 'Inayah, hospital berkenaan, petang tadi.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Pengurusan), Kementerian Kesihatan, Awang Rudy bin Haji Harun.

Terdahulu, majlis dimulakan dengan menunaikan Sembahyang Fardu Asar dan Sembahyang Sunat Hajat Berjemaah diikuti dengan bacaan Surah Yaa Siin dan Tahlil khusus bagi Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam; Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit binti Al-Marhum Pengiran Bendahara Pengiran Anak Abdul Rahman dan Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah.

Majlis kemudiannya diteruskan dengan bacaan Doa Kesyukuran serta Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam yang diketuai oleh Pegawai Pelajaran, Unit Perkhidmatan Ugama, Hospital RIPAS, Awang Ahmad Syuja'ie bin Begawan Mudim Haji Metassim.

Turut hadir, ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai kanan serta pegawai dan kakitangan Kementerian Kesihatan dan Hospital RIPAS.

# Majlis Khatam Al-Quran raikan 25 murid Darjah VI

**Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad**
**Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman**

**GADONG**, Khamis, 28 Ogos. - Majlis Khatam Al-Quran merupakan usaha signifikan murid-murid Darjah VI Sekolah Ugama yang berjaya menyempurnakan bacaan 30 Juzuk Al-Quran.

Selain meraikan pencapaian para murid, majlis berkenaan juga menjadi wadah mendekatkan diri kepada Al-Quran, di mana pembacanya dianugerahkan ganjaran pahala serta keberkatan daripada Allah Subhanahu Wata'ala.

Sehubungan itu, Sekolah Ugama Anak-Anak Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB), Gadong, petang tadi mengadakan Majlis Khatam Al-Quran, bertempat di Dewan Banquet Mes Pegawai bagi meraikan seramai 25 orang murid Darjah VI, terdiri daripada 14 murid lelaki dan 11 murid perempuan.



Majlis diserikan dengan kehadiran tetamu kehormat, Pesuruhjaya Polis, PPDB, Dato Seri Pahlawan Sulaiman bin Alidin, yang turut memulakan acara dengan memimpin bacaan Surah Al-Fatihah.

Acara diteruskan dengan bacaan surah-surah lazim oleh peserta khatam, diikuti dengan bacaan takhtim, sementara Doa Khatam dibacakan oleh Awang Abdul Waiz Sahmi bin Sahminan.

Persembahan Dikir turut memeriahkan majlis sebelum acara penyampaian sijil kepada peserta khatam yang disempurnakan oleh tetamu kehormat.

Majlis kemudiannya diakhiri dengan bacaan Doa Selamat yang dipimpin oleh Imam Surau Polis Diraja Brunei bagi memberkati majlis berkenaan.



**PESURUHJAYA Polis, Pasukan Polis Diraja Brunei menyampaikan sijil khatam kepada para peserta (atas), manakala gambar kiri, antara pelajar yang diraikan pada Majlis Khatam Al-Quran berkenaan.**

Majlis Khatam Al-Quran merupakan salah satu aktiviti tahunan sekolah-sekolah ugama di negara ini, yang bukan sahaja mengembangkan syiar Islam bahkan menyahut hasrat kerajaan untuk melahirkan generasi celik Al-Quran, beriman, beramal soleh dan bertakwa.

# MENGHAYATI SUNNAH RASULULLAH

**Oleh : Aimi Sani**
**Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 27 Ogos. - Selain memeriahkan dan memperingati Hari Keputeraan Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, Majlis Dikir di masjid, surau dan balai ibadat seluruh negara adalah bagi mendapatkan keberkatan dan rahmat dari Allah Subhanahu Wata'ala, selain memupuk kesedaran dan keinsafan umat Islam dalam mengenang jasa dan pengorbanan Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam menyebarkan agama Islam.

Di samping itu, ia bertujuan untuk menanamkan rasa kasih dan cinta terhadap Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam serta memohon ganjaran teristimewa dan syafaat bagi orang-orang yang berselawat ke atas Baginda adalah amalan mulia dalam pembentukan jati diri umat Islam.

Sehubungan itu, bagi menghidupkan lagi sambutan Maulidur Rasul Sallallahu Alaihi Wasallam, Majlis Bercorak Keagamaan sempena Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam terus diadakan bagi malam keempat di Istana Nurul Iman.

Terdahulu itu, majlis dimulakan dengan Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah yang diimamkan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid Masjid, Pengiran Haji Hafizuddin bin Pengiran Haji Bakar dan kemudiannya diteruskan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Sayyidul Istighfar beramai-ramai.

Majlis disusuli dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran oleh pelajar Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah (ITQSHHB), Awang Haji Azman bin Haji Osman.

Manakala tazkirah bertajuk 'Menghayati Sunnah Rasulullah - Sirah Menjelang Wafatnya Baginda Rasulullah' disampaikan oleh Awang Muhammad Naadzimur-Rahmaan@Naadzim bin Awang Haji Ya'akub.

Seterusnya persembahan diteruskan dengan Dikir Assalamualaika dan Asyrakal daripada Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri (KHELN) dan Kementerian Pertahanan, sementara Dikir Khairuman dari Majlis Belia Brunei (MBB), dan Kumpulan Belia Masjid (KBM) Masjid Kampung Belimbing Subok membawakan Dikir Bisyahrin serta persembahan Dikir Al-Hamdu dan Dikir Badat dibawakan oleh Jabatan Pengajian Islam (JPI), Bahagian Sekolah Umum (Pendidikan Islam).



**MAJLIS Bercorak Keagamaan sempena Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam terus diadakan bagi malam keempat di Istana Nurul Iman.**

Doa Dikir dibacakan oleh Awang Saufi bin Haji Suhaini, manakala, Doa Peliharakan Sultan dibacakan oleh Awang Zulhazmi bin Haji Salleh.

Antara yang hadir ke majlis berkenaan adalah para pegawai dari KHELN dan Kementerian Pertahanan, MBB, KBM Masjid Kampung Belimbing Subok, JPI dan ITQSHHB.

Sementara itu, di ruangan berasingan bagi jemaah perempuan pula, majlis diadakan di Surau Kecil, Istana Nurul Iman.

Terdahulu sebelum itu, majlis dimulakan dengan Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah dan kemudiannya diteruskan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Sayyidul Istighfar, disusuli dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran oleh pelajar ITQSHHB, Dayangku Nurul Sakinah Adawiyah binti Pengiran Ainolzahar.

Manakala tazkirah bertajuk 'Menghayati Sunnah Rasulullah - Sirah Menjelang Wafatnya Baginda Rasulullah' disampaikan oleh Dayang Hajah Siti Noraizah binti Haji Asli.

Seterusnya, majlis disusuli dengan Persembahan Dikir Assalamualaika dan Asyrakal daripada KHELN dan Kementerian Pertahanan, sementara Dikir Khairuman dari Kumpulan Qamarun Nisa dan KBM Masjid Kampung Belimbing Subok, membawakan Dikir Bisyahrin serta persembahan Dikir Al-Hamdu dan Dikir Badat dibawakan oleh JPI, Bahagian Sekolah Umum (Pendidikan Islam).

Antara yang hadir ke majlis berkenaan adalah para pegawai dari para pegawai dari KHELN dan Kementerian Pertahanan, Kumpulan Qamarun Nisa, Kumpulan Belia Masjid (KBM) Masjid Kampung Belimbing Subok, JPI dan ITQSHHB.

## HALUAN

>> Muka 2

Rakyat jelata dan penduduk di negara ini bersama mendoakan supaya Allah Subhanahu Wata'ala mengurniakan nikmat yang sempurna lagi menyeluruh, sentiasa berada dalam iman dan takwa, mendapat rahmat dan hidayat, lanjut usia dalam keadaan sihat walafiat, kuat tubuh badan, kuat ingatan, mendapat pancaran cahaya Al-Quran dalam dada, dalam suasana dan keadaan penuh bahagia serta riang gembira. Serta memohonkan perlindungan bagi Kebawah-Kebawah Duli Tuan Patik dari segala mara bahaya dari segala kejahatan dan bala bencana daripada segala macam penyakit-penyakit zahir dan batin. Dilimpahkan kurnia kebaikan di dunia dan di akhirat, amalan yang soleh, ilmu yang berguna dan rezeki yang melimpah-limpah lagi diberkati.

Disembahkan seterusnya kandungan atur acara Majlis Kesyukuran yang *abis* Hamba-hamba Kebawah Duli Tuan Patik susun pada petang ini adalah Ceramah Khas bertajuk 'Jubli Intan Perkahwinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri : Satu Kurnia Nikmat Allah Subhanahu Wata'ala', yang akan disembahkan oleh Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, diikuti dengan Persembahan Nasyid dari Kumpulan Nasyid Pelajar-pelajar Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah dan tayangan video sorotan khas.

Sebelum berundur diri, sekali lagi *abis-abis* Hamba Kebawah Duli Tuan Patik dan semua Ahli Jawatankuasa (AJK) yang mengungkayahkan Majlis Kesyukuran sempena Ulang Tahun Jubli Intan Perkahwinan Kebawah-Kebawah Duli Tuan Patik, sukacita sekali lagi menyembahkan ucapan setinggi-tinggi tahniah dan mengambil kesempatan ini memperbaharui ikrar taat setia yang tidak berbelah bahagi serta menzahirkan rasa kasih sayang yang sangat mendalam dan luhur Kehadapan Majlis Kebawah-Kebawah Duli Tuan Patik.

*Abis-abis* Hamba Kebawah Duli Tuan Patik dan semua AJK juga dengan penuh hormat dan takzim menyembahkan setinggi-tinggi penghargaan dan menjunjung kasih di atas keberangkatan Kebawah-Kebawah Duli Tuan Patik berserta ahli-ahli kerabat diraja Kebawah-Kebawah Duli Tuan Patik bersama-sama bercemar duli menyerikan dan menambah berkat lagi majlis yang bersukut baik ini.

Hamba Kebawah Duli Tuan Patik seterusnya menjunjung perkenan menyembahkan menjunjung kasih di atas keberangkatan paduka-paduka anakanda Kebawah-Kebawah Duli Tuan Patik. Dan kerabat-kerabat diraja yang lain ke Majlis Kesyukuran ini.

Terima kasih yang setinggi-tingginya juga diucapkan kepada semua pihak yang turut terlibat mengungkayahkan serta menjayakan Majlis Kesyukuran yang berbahagia dan berkebajikan ini.

Semoga Allah Subhanahu Wata'ala jua yang akan mengurniakan ganjaran pahala yang berlipat ganda ke atas segala usaha dan sumbangan murni yang diberikan.

Pada mengakhiri Sembah alu-aluan ini, Hamba Kebawah Duli Tuan Patik dengan rendah diri menyusun jari sepuluh menjunjung ampun beribu-ribu ampun dan kemaafan Kehadapan Majlis Kebawah-Kebawah Duli Tuan Patik sekiranya terdapat sorok langkah, tutur sembah yang kurang elok dan tertib serta sebarang kekurangan yang tidak disengajakan di dalam pengendalian Majlis Kesyukuran Ulang Tahun Jubli Intan Perkahwinan Kebawah-Kebawah Duli Tuan Patik pada petang ini.

Sekian, *Wabillahit Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh*.

Hamba Kebawah Duli Tuan Patik menjunjung anugeraha.

# Sumbangan ringankan beban golongan memerlukan





YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Ketua Kampung Sengkarai hadir selaku tetamu kehormat menyerahkan sumbangan kepada penerima (atas dan atas kanan).

**Berita dan Foto : Siti Rokiah Abdullah**

**BERAKAS,** Khamis, 28 Ogos. - Sempena Next20Movement Hari Belia Kebangsaan, Kumpulan Belia Berbakti telah mengadakan Majlis Pelancaran Misi Jelajah Menyantuni Masyarakat Edisi Ke-2, bertempat di Dewan Serbaguna, Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Kampung Pulaie.

Majlis tersebut diadakan dengan kerjasama Bahagian Pembangunan Muallaf, PDI dan disokong oleh Jabatan Belia dan Sukan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Pada majlis tersebut, seramai 50 penerima terdiri daripada 15 golongan mualaf yang berdaftar di bawah Bahagian Pembangunan Muallaf, PDI dan 35 penerima terdiri daripada ibu tunggal, warga emas dan keluarga yang kurang berkemampuan telah menerima sumbangan yang ditaja oleh beberapa agensi.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan, Ketua Kampung Sengkarai, yang seterusnya menyerahkan sumbangan kepada penerima.

Turut hadir ialah Pengarah PDI, Awang Haji Abdul Rajid bin Haji Mohd. Salleh; Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif Belia Berbakti, Awang Muhammad Amirul Aqil bin Abdullah Ang; pegawai-pegawai PDI, Ahli-ahli Penasihat Kumpulan Belia Berbakti.

Antara penaja yang memberi sumbangan termasuk Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB); Darussalam Holdings Sdn. Bhd.; Insurans Islam TAIB Holdings Sdn. Bhd.; Syarikat Perniagaan Malar Setia; Syarikat Perniagaan Muneera dan Syarikat Pengangkutan Neha. Majlis bertujuan untuk meringankan beban golongan yang memerlukan.




# PELAKSANAAN AI BERKESAN MEMERLUKAN TANGGUNGJAWAB BERSAMA

**Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman**
**Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid**



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi semasa berucap pada majlis berkenaan.

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 28 Ogos. - Pelaksanaan Kecerdasan Buatan (AI) yang berkesan memerlukan tanggungjawab bersama dalam kalangan semua pihak berkepentingan.

Pendekatan kolaboratif ini adalah penting untuk memanfaatkan sepenuhnya faedah teknologi ini sambil memastikan ia dibangunkan dan digunakan secara bertanggungjawab.

Setiausaha Tetap Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi, Ir. Awang Haji Mohammad Nazri bin Haji Mohammad Yusof menegaskan perkara tersebut semasa berucap selaku tetamu kehormat pada Simposium Tadbir Urus AI Kali Ke-2 berlangsung di The Radisson Hotel, di ibu negara, hari ini.

Beliau mengongsikan, Perintah Perlindungan Data Peribadi 2025 (PDPO 2025) yang akan dikuatkuasakan sepenuhnya pada 1 Januari 2026, merupakan undang-undang utama yang berfungsi sebagai garis panduan untuk memastikan akauntabiliti dalam pemprosesan dan pengendalian data peribadi dalam sektor swasta.

"Landskap AI yang semakin berkembang hari ini sememangnya memerlukan pendekatan yang lebih tangkas dalam perlindungan data. Keperluan terhadap data berkualiti tinggi untuk memacu evolusi berterusan AI menuntut keseimbangan yang teliti antara inovasi dan pertimbangan etika dalam mendapatkan data yang lebih tersusun dan boleh dipercayai. Oleh itu, undang-undang perlindungan data peribadi, secara umumnya, sejajar dan menyokong perkembangan ini," ujar Ir. Awang Haji Mohammad Nazri.

Tambahnya lagi, dengan adanya undang-undang perlindungan data peribadi, cabaran dan risiko penggunaan data tanpa kebenaran dapat ditangani dari awal melalui penguatkuasaan pengurusan dan tadbir urus data yang betul.

Beliau juga menyeru agar Simposium Tadbir Urus AI ini dijadikan sebagai platform untuk perbincangan terbuka dan kerjasama antara organisasi kerajaan, sektor swasta, institusi akademik dan masyarakat awam dalam membentuk penggunaan AI yang bertanggungjawab di Negara Brunei Darussalam (NBD).

Simposium anjuran Pihak Berkuasa Industri Teknologi Info-Komunikasi Negara Brunei Darussalam (AITI) itu menghimpunkan pelbagai kumpulan peserta termasuk pegawai-pegawai kerajaan, ketua pegawai eksekutif syarikat-syarikat, pihak industri dan para pelajar.

Beberapa pembentangan disampaikan pada simposium berkenaan oleh beberapa penceramah antarabangsa antaranya termasuk Undral Ganbaatar dari Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO), Sharmini Johnson dari Penguasa Pembangunan Media dan Infokom (IMDA) Singapura, Adi Basri dari Progresif, Abby Tan dari EVYD, Angela Xu dari Google dan Maciej Surowiec dari Microsoft.

Simposium ini juga menampilkan sesi perbincangan panel antara AITI dan pihak industri mengenai bagaimana meletakkan asas untuk inovasi AI yang bertanggungjawab.

Acara kemudian diteruskan dengan Mesyuarat Kumpulan Kerja Tadbir Urus dan Etika AI yang dipengerusikan oleh Ketua Eksekutif AITI, Awang Haji Jailani bin Haji Buntar.

Kumpulan kerja ini terdiri daripada ahli-ahli daripada organisasi kerajaan, sektor swasta dan institusi akademik, dengan tujuan untuk menilai perkembangan terkini dalam AI generatif melalui 'Panduan Tadbir Urus dan Etika Kecerdasan Buatan untuk NBD'.

Turut hadir pada simposium tersebut ialah Setiausaha-setiausaha Tetap dan Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap dari beberapa kementerian.



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi semasa hadir selaku tetamu kehormat pada Simposium Tadbir Urus Kecerdasan Buatan (AI) Kali Ke-2.



PEMBENTANGAN disampaikan oleh Angela Xu dari Google.

PELITA BRUNEI

# MKKJR ADAKAN SEMBAHYANG SUNAT HAJAT, RATIB AL-ATTAS

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman





**YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara selaku Penghulu Mukim Bukit Sawat dan Timbalan Setiausaha Tetap (Pengangkutan) Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi selaku Setiausaha MKKJR hadir pada majlis tersebut (atas). Manakala gambar kanan, antara jemaah wanita yang hadir.**

**BELAIT,** Khamis, 28 Ogos. - Majlis Kebangsaan Keselamatan Jalan Raya (MKKJR) mengadakan Majlis Membaca Ratib Al-Attas, Sembahyang Sunat Hajat dan Sembahyang Fardu Asar Berjemaah bertempat di Masjid Mohammad Jamalul Alam, Kuala Belait, petang tadi.

Hadir pada majlis tersebut ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh bin Haji Othman selaku Penghulu Mukim Bukit Sawat dan Timbalan Setiausaha Tetap (Pengangkutan) Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC), Awang Haji Mohammad Salihin Haji Aspar selaku Setiausaha MKKJR.

Juga hadir, Ahli-ahli MKKJR, pegawai-pegawai kanan, pegawai-pegawai dan kakitangan MTIC dan jabatan-jabatan di bawahnya dan juga penduduk-penduduk Daerah Belait serta guru-guru dan murid-murid Sekolah Ugama Ahmad Tajuddin, Kuala Belait.

Majlis dimulakan dengan bacaan Ratib Al-Attas, Sembahyang Sunat Hajat yang dipimpin dan diimamkan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Jabatan Hal Ehwal Masjid, Awang Afiq Haririe bin Haji Mat Daud.

Majlis diteruskan dengan Sembahyang Fardu Asar Berjemaah yang dipimpin oleh Imam Tingkat III, Awang Haji Noor Azhar bin Haji Harith.

Majlis ini adalah antara inisiatif berterusan MKKJR dalam memohon keberkatan dan perlindungan daripada Allah Subhanahu Wata'ala agar para pengguna jalan raya sentiasa dilindungi daripada sebarang musibah dan kemalangan.

Dalam kesempatan ini, MKKJR menyeru kepada semua pengguna jalan raya agar tidak menggunakan telefon bimbit semasa memandu, sentiasa berwaspada dan mematuhi undang-undang lalu lintas, khususnya dengan mematuhi had kelajuan, selaras dengan tema Kempen Keselamatan Jalan Raya Kebangsaan iaitu 'Watch Your Speed, Watch the Road' yang dilancarkan pada 20 Ogos 2025.

Dalam hal ini, MKKJR juga menekankan bahawa keselamatan jalan raya adalah tanggungjawab bersama yang memerlukan komitmen berterusan daripada semua pihak sama ada agensi kerajaan, sektor swasta mahupun masyarakat umum, demi melindungi nyawa serta kesejahteraan semua pengguna jalan raya di Negara Brunei Darussalam.

# Perasmian The 9th Thailand Bazaar and Cultural Week

Berita dan Foto :
Nurdiyanah Rajami






**PRESIDEN Chinese Chamber of Commerce (CCC), Lim Han Chiong dan Puan Yang Terutama Duta Besar Istimewa dan Mutlak Thailand ke Negara Brunei Darussalam hadir selaku tetamu kehormat bagi sama-sama menyempurnakan Majlis Perasmian The 9th Thailand Bazaar and Cultural Week (atas kiri). Manakala gambar atas kanan, Puan Yang Terutama menyaksikan reruai pameran terdiri daripada pengedar sah produk-produk Thailand. Sementara gambar bawah kiri, antara yang menyertai bazar berkenaan.**



**SALAMBIGAR,** Khamis, 28 Ogos. - Kedutaan Diraja Thailand di Negara Brunei Darussalam (NBD) dengan kerjasama Jabatan Promosi Perdagangan Antarabangsa atau Department of International Trade Promotion (DITP) / Pejabat Kuala Lumpur, Kementerian Perdagangan Thailand dan Pihak Berkuasa Pelancongan Thailand, Pejabat Kuala Lumpur telah bekerjasama menganjurkan The 9th Thailand Bazaar and Cultural Week berlangsung selama empat hari bermula hari ini sehingga 31 Ogos bertempat di Pusat Membeli-belah OneCity.

Sehubungan itu, hadir selaku tetamu kehormat bagi sama-sama menyempurnakan majlis perasmian The 9th Thailand Bazaar and Cultural Week itu ialah Presiden Chinese Chamber of Commerce (CCC), Lim Han Chiong yang mana telah dialu-alukan oleh Duta Besar Istimewa dan Mutlak Thailand ke NBD, Puan Yang Terutama Boosara Kanchanalai.

Majlis dimulakan dengan sesi pemotongan reben perasmian The 9th Thailand Bazaar and Cultural Week oleh tetamu kehormat dan Puan Yang Terutama Boosara Kanchanalai, diikuti dengan pengumuman pembukaan tayangan filem Thailand anjuran Kedutaan Diraja Thailand di NBD dan Persembahan Demonstrasi Muay Thai iaitu seni bela diri asal Thailand.

Sebanyak 60 reruai pameran terdiri daripada pengedar sah produk-produk Thailand di NBD serta syarikat dan pengilang dari Thailand menyertai dan memperdagangkan produk Thailand merangkumi produk makanan, minuman, pencuci mulut, makanan ringan sehingga barangan fesyen termasuk pakaian, barang kemas beg tangan dan juga kraf tangan.

Turut hadir pada majlis perasmian berkenaan ialah duta-duta besar luar negara ke NBD dan juga para jemputan serta orang ramai. Dalam pada masa yang sama, para pengunjung juga berpeluang menikmati keunikan hidangan Thailand serta memperoleh hadiah-hadiah istimewa dari Kedutaan Diraja Thailand di NBD.

Sepanjang The 9th Thailand Bazaar and Cultural Week berlangsung, Kedutaan Diraja Thailand di NBD turut memuatkan pengisian tayangan filem Thailand kedua, 'Brother of the Year', filem komedi romantik Thailand 2018 yang pernah mengungguli carta *box office* di beberapa buah negara semasa minggu pembukaannya oleh GDH 559 dan mendapat sambutan komersial Thailand dengan mengutip AS$7.8 juta.

Tayangan filem itu akan diadakan secara percuma di One Cineplex. Selain itu, orang ramai juga dimeriahkan dengan demonstrasi Muay Thai sepanjang empat hari bazar tersebut.

# JPM TERUSKAN MAJLIS DIKIR DI MASJID KAMPUNG PANDAN

Berita dan Foto : Ak. Mohd. Zaki Pg. Haji Kasharan

**BELAIT**, Rabu, 27 Ogos. - Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan jabatan-jabatan di bawahnya hari ini meneruskan lagi Majlis Dikir Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam di Masjid Kampung Pandan, Daerah Belait.

Hadir pada majlis berkenaan ialah Setiausaha Tetap (Urustadbir Perkhidmatan Awam) JPM, Awang Ajman bin Haji Meludin.

Majlis didahului dengan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah yang diketuai oleh Imam Masjid Kampung Pandan, Daerah Belait.

Majlis diteruskan dengan bacaan wirid dan doa serta bacaan Surah Al-Fatihah. Diselajurkan dengan Persembahan Dikir Assalamualaika serta Dikir Syarafil Anam daripada Kumpulan Dikir Pasukan Polis Diraja Brunei.

Majlis kemudiannya diteruskan dengan Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah, diikuti dengan persembahan Dikir Marhaban, bacaan doa memohon kepada Allah Subhanahu Wata'ala agar negara akan terselamat daripada bala bencana dan segala jenis penyakit serta bacaan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam.

Acara pada tahun ini dianjurkan bersama oleh Bahagian Sekuriti dan Undang-Undang JPM dan Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam.

**SETIAUSAHA Tetap (Urustadbir Perkhidmatan Awam) Jabatan Perdana Menteri hadir pada Majlis Dikir Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam di Masjid Kampung Pandan, Daerah Belait.**



# Kementerian Pendidikan semarakkan Maulidur Rasul




**SETIAUSAHA Tetap (Pengajian Tinggi), Kementerian Pendidikan hadir Majlis Dikir sempena Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dan seterusnya menyerahkan sumbangan wakaf (kanan dan atas).**



Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

**JUNJONGAN**, Rabu, 27 Ogos. - Kementerian Pendidikan lewat petang tadi mengadakan Majlis Dikir sempena Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bertempat di Masjid As-Salaam, Kampung Junjongan, di sini.

Hadir ialah Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi), Kementerian Pendidikan, Dr. Haji Azman bin Ahmad.

Atur cara dimulakan dengan penyerahan sumbangan wakaf dari pegawai-pegawai dan kakitangan Kementerian Pendidikan yang disempurnakan oleh Dr. Haji Azman kepada Pegawai Hal Ehwal Masjid, Masjid As-Salaam, Kampung Junjongan, Awang Sh'minan bin Awang Haji Sulaiman dan diikuti dengan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah.

Acara diteruskan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang diketuai oleh Dr. Haji Azman sebagai permulaan bacaan Dikir Assalai.

Selepas menunaikan Sembahyang Fardu Isyak berjemaah, majlis diteruskan dengan bacaan Dikir Asyrakal dan diakhiri dengan Doa Penutup Majlis Dikir yang diketuai oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Masjid As-Salaam, Kampung Junjongan.

Majlis tersebut merupakan salah satu aktiviti tahunan Kementerian Pendidikan untuk memeriahkan lagi suasana Sambutan Maulidur Rasul dengan berselawat dan memuji ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi menunjukkan rasa kasih sayang dan kesyukuran atas jasa-jasa Baginda.

Di samping itu, ia juga bertujuan untuk sama-sama menyemarakkan lagi sambutan hari-hari kebesaran Islam di samping dapat mengeratkan lagi hubungan silaturahim di antara pegawai-pegawai dan kakitangan Kementerian Pendidikan dengan jemaah masjid.

Turut menghadiri majlis tersebut ialah Naib Canselor Universiti Brunei Darussalam, ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai dan kakitangan Kementerian Pendidikan serta Ahli-ahli Jawatankuasa Takmir Masjid As-Salaam, Kampung Junjongan.

Majlis Dikir sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam anjuran Kementerian Pendidikan pada tahun ini dikendalikan bersama oleh Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan - Perkhidmatan; Jabatan Perancangan, Perkembangan dan Penyelidikan; serta Pusat Kerjasama Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (STEP).


# MINDA PEMBACA

**TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :**

1. **'Penyebaran Maklumat Palsu: Cabaran Dunia Digital Masa Kini'.** Tarikh Tutup **: 3 September 2025**
2. **'Peranan Guru Dalam Membangunkan Modal Insan Berkualiti'.** Tarikh Tutup **: 10 September 2025**
3. **'Menjadi Pemimpin Muda : Cabaran dan Peluang'.** Tarikh Tutup **: 17 September 2025**

**TERMA DAN SYARAT :**

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan **15** hingga **40 tahun**, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara **200** hingga **300 patah perkataan**.
3. **Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap** dan **nombor telefon** hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

**SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA**
Bahagian **PELITA BRUNEI**, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :
***pelita.brunei@information.gov.bn***

Menangi
**BND75**
SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

# JANGAN SEKALI-KALI BERPUTUS ASA



JABATAN HAL EHWAL MASJID, KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Khutbah Jumaat Negara Brunei Darussalam pada 5 Rabiulawal 1447H / 29 Ogos 2025M




**PUTUS ASA: BISIKAN SYAITAN YANG MAHU KITA MERASA TIDAK LAYAK KEMBALI KEPADA ALLAH S.W.T**

**KISAH NABI YUNUS A.S KETIKA BAGINDA BERADA DI DALAM PERUT IKAN, DI DALAM KEGELAPAN LAUT, BAGINDA BERDOA:**

لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ سُبْحَانَكَ إِنِّي كُنْتُ مِنَ الظَّالِمِينَ

Sesungguhnya tiada tuhan melainkan Engkau, Maha Suci Engkau. Sesungguhnya aku termasuk orang-orang yang zalim.

Doa ini sering diamalkan ketika menghadapi **kesukaran, kesempitan,** atau **terasa terperangkap** termasuk keadaan kita merasai **berputus asa**

**APABILA SESEORANG DIUJI DENGAN PELBAGAI MASALAH HINGGA MEMBUAT DIRINYA BERPUTUS ASA, INGATLAH TIGA PERKARA PENTING IAITU:**

1. UJIAN DAN KESULITAN ITU SEMENTARA
2. ALLAH S.W.T MENDENGAR DOA DAN RINTIHAN HAMBANYA
3. BANTUAN ALLAH S.W.T KADANG DATANG DALAM BENTUK YANG KITA TIDAK SANGKA- ADAKALANYA MELALUI SESEORANG YANG HADIR MEMBERI SOKONGAN, MELALUI PINTU REZEKI YANG TIDAK DISANGKA ATAU MELALUI KETENANGAN HATI YANG ALLAH S.W.T BERIKAN KEPADA KITA

**ISLAM MENGANJURKAN KITA UNTUK BERDOA KE HADRAT ALLAH S.W.T PADA SETIAP MASA DAN KEADAAN SAMA ADA KETIKA SUSAH ATAUPUN SENANG. ANTARA DOA RINGKAS TETAPI BERMANFAAT YANG DIAJARKAN RASULULLAH S.A.W UNTUK DIAMALKAN:**

اللَّهُمَّ لاَ سَهْلَ إِلاَّ مَا جَعَلْتَهُ سَهْلاً وَأَنْتَ تَجْعَلُ الحَزْنَ إِذَا شِئْتَ سَهْلاً

Ya Allah, tidak ada kemudahan kecuali apa yang Engkau jadikannya mudah. Dan Engkaulah yang menjadikan kesulitan, jika Engkau kehendaki pasti ia akan menjadi mudah.

BAHAGIAN PENYELIDIKAN DAN PERKEMBANGAN, JABATAN HAL EHWAL MASJID, KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

# Jangan sekali-kali berputus asa




**BERTAKWALAH** kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dengan meningkatkan keimanan kepada-Nya. Sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah Subhanahu Wata'ala itu ialah orang yang paling bertakwa. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang sentiasa mengingati Allah Subhanahu Wata'ala, beroleh kejayaan dan keselamatan di dunia dan juga di akhirat.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Az-Zumar, ayat 53 :

**Tafsirnya :** "*Katakanlah (sampaikanlah firman-Ku ini wahai Nabi Muhammad) : "Wahai hamba-hamba-Ku yang melampaui batas terhadap diri mereka sendiri (dengan perbuatan-perbuatan maksiat)! Janganlah kamu berputus asa daripada rahmat Allah. Sesungguhnya Allah mengampunkan segala dosa. Sesungguhnya Dialah yang Maha Pengampun lagi Maha Pengasih*".

Hidup di dunia ini tidak pernah sunyi daripada ujian. Ada di antara kita diuji dengan kesempitan rezeki, ada yang diuji dengan sakit, ada yang diuji dengan kehilangan orang tersayang dan ada yang diuji dengan hati yang berasa lemah dan hampir berputus asa. Kita selaku hamba Allah Subhanahu Wata'ala, tidak terlepas dan pastinya melalui saat-saat ujian yang melemahkan hati. Ya, ada masa kita berasa tidak mampu lagi untuk melangkah. Namun ketahuilah! Allah Subhanahu Wata'ala tidak akan pernah membiarkan hamba-Nya sendirian dan Dia yang Maha Penyayang telah berfirman dalam Surah Yusuf, ayat 87 :

**Tafsirnya :** "*Dan janganlah kamu berputus asa daripada rahmat Allah. Sesungguhnya tiada yang berputus asa daripada rahmat Allah melainkan kaum yang kafir*".

Ayat ini sesungguhnya adalah penawar bagi hati yang sedang terluka dan sedang berputus asa. Walau sebesar mana dosa kita, walau sedalam mana luka kita, sesungguhnya rahmat Allah Subhanahu Wata'ala itu lebih luas daripada segala-galanya. Daripada Abu Hurairah, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

**Maksudnya :** "*Allah menjadikan rahmat sebanyak 100 bahagian. Dia menyimpan 99 bahagian dan menurunkan satu bahagian ke dunia. Di antara bahagian tersebut adalah sifat saling mengasihi antara makhluk sehingga seekor binatang akan mengangkat tapak kakinya daripada anaknya takut-takut akan terpijak anaknya*". (Hadis Riwayat Imam Muslim)

Putus ada adalah bisikan syaitan yang mahu kita berasa tidak layak kembali kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Tetapi lihatlah, marilah kita merenung sejenak kisah Nabi Yunus Alaihissalam ketika Baginda berada di dalam perut ikan, dalam kegelapan laut, di malam yang gelap gelita lagi sunyi, namun tahukah kita, apa yang diungkapkan oleh Baginda? Dalam keadaan yang sedemikian rupa, Baginda tetap berdoa :

**Tafsirnya :** "*Sesungguhnya tiada Tuhan melainkan Engkau, Maha Suci Engkau. Sesungguhnya aku termasuk orang-orang yang zalim*".

Subhanallah! Doa ini menyelamatkan Baginda Alaihissalam kerana pengakuan kelemahan adalah langkah pertama untuk kembali kepada kekuatan. Doa ini sering diamalkan ketika menghadapi kesukaran, kesempitan atau situasi yang terasa terperangkap termasuk keadaan kita merasai berputus asa, sebagai tanda menyerahkan diri sepenuhnya kepada Allah Subhanahu Wata'ala dan memohon pertolongan-Nya.

Sering kali apabila seseorang yang sedang diuji dengan pelbagai masalah hingga membuat dirinya berputus asa maka mimbar yang mulia ini berpesan kepada jemaah sekalian untuk mengingati tiga perkara yang penting iaitu :

**Pertama :** Ujian dan kesulitan itu sementara. Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah Al-Insyirah, ayat 5-6 :

**Tafsirnya :** "*Maka sesungguhnya bersama kesusahan ada kesenangan. Sesungguhnya bersama kesusahan ada kesenangan*".

Ayat ini menjadi motivasi kepada kita agar sabar dan terus bertawakal setiap masalah yang menimpa, pasti ada hikmah adan jalan keluar yang Allah Subhanahu Wata'ala sediakan. Oleh itu, marilah kita menghadapi setiap ujian dengan hati yang tenang, yakin bahawa pertolongan Allah Subhanahu Wata'ala pasti ada dan sentiasa dekat bagi mereka yang bersabar.

**Kedua :** Allah Subhanahu Wata'ala mendengar doa dan rintihan hamba-Nya, walaupun hanya dengan air mata atau bisikan hati. Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah Al-Baqarah, ayat 186 :

**Tafsirnya :** "*Dan apabila hamba-hamba-Ku bertanya kepadamu (wahai Nabi Muhammad) mengenai Aku maka (katakanlah kepada mereka) : "Sesungguhnya Aku sentiasa hampir (kepada mereka). Aku memperkenankan permohonan orang-orang yang berdoa apabila dia berdoa kepada-Ku. Maka hendaklah mereka itu menyahut seruan-Ku (dengan mematuhi perintah-Ku) dan hendaklah mereka beriman kepada-Ku supaya mereka sentiasa berada dalam kebenaran*".

Selain itu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam At-Tirmizi, daripada Ibnu Abas Radiallahuanha ia berkata : Aku mendengar Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

**Maksudnya :** "*Dua mata yang tidak akan disentuh oleh api neraka iaitu : Mata yang menangis kerana takut kepada Allah dan mata yang pada malam hari berjaga kerana membela agama Allah*".

Hadis ini menekankan betapa berharganya air mata yang tumpah kerana rasa takut kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Mata yang menangis kerana takut kepada-Nya dan mata yang berjaga malam di jalan-Nya dijanjikan perlindungan daripada api neraka. Ini menunjukkan wahai jemaah sekalian betapa besar nilai keikhlasan dan ketakwaan dalam Islam itu.

**Ketiga :** Bantuan Allah Subhanahu Wata'ala kadang datang dalam bentuk yang kita tidak sangka kerana adakalanya melalui seseorang yang hadir memberi sokongan, melalui pintu rezeki yang tidak disangka atau melalui ketenangan hati yang Allah Subhanahu Wata'ala berikan kepada kita. Maka, janganlah biarkan perasaan putus asa menguasai jiwa dan raga kita sehingga menghalang kita daripada berdoa dan berusaha. Daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

**Maksudnya :** "*Dan barang siapa yang mempermudah urusan seorang mukmin, Allah akan mempermudah urusannya di dunia dan di akhirat*". (Hadis Riwayat Imam Muslim)

Allah Subhanahu Wata'ala adalah sebaik-baik tempat untuk kita mengadu. Sebagai orang Islam, kita adalah dianjurkan untuk berdoa ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala pada setiap masa dan keadaan sama ada ketika susah atau senang. Antara doa ringkas tetapi bermanfaat yang diajarkan oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam untuk diamalkan ialah daripada Anas bin Malik Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

**Ertinya :** "*Ya Allah, tidak ada kemudahan kecuali apa yang Engkau jadikannya mudah. Dan Engkaulah yang menjadikan kesulitan, jika Engkau kehendaki pasti ia akan menjadi mudah*". (Hadis Riwayat Ibnu **Hiban**)

Sebagai orang yang beriman, kita hendaklah memiliki semangat dan keazaman yang kuat untuk menghadapi dan menangani sebarang masalah, cabaran dan rintangan tanpa mudah berputus asa dalam kehidupan.

Sesungguhnya Allah Subhanahu Wata'ala tidak pernah membebankan hamba-hamba-Nya di luar batasan kemampuan mereka kerana Allah Subhanahu Wata'ala Maha Mengetahui apa yang terbaik untuk diri kita. Oleh itu, ajar dan didiklah hati kita untuk sentiasa bersangka baik pada ketetapan dan ketentuan Allah Subhanahu Wata'ala kerana Allah Subhanahu Wata'ala adalah sebaik-baik perancang. Mudah-mudahan dengan yang demikian, kita akan beroleh kejayaan hidup di dunia dan juga di akhirat. *Amin Ya Rabbal Alamin.*

**Tafsirnya :** "*Allah tidak membebani seseorang (dengan kewajipan) melainkan apa yang terdaya olehnya. Dia mendapat pahala kebaikan yang dilakukannya dan dia juga menanggung dosa kejahatannya yang dilakukannya. (Mereka berdoa) : "Ya Tuhan kami! Janganlah Engkau menghukum kami jika kami lupa atau kami tersalah. Ya Tuhan kami! Janganlah Engkau bebankan kepada kami bebanan yang berat (yang tidak terdaya kami menanggungnya) sebagaimana yang telah Engkau bebankan kepada orang-orang yang terdahulu daripada kami. Ya Tuhan kami! Janganlah Engkau bebankan kepada kami apa yang kami tidak terdaya memikulnya. Dan maafkanlah kesalahan kami serta ampunkanlah dosa kami dan kurniakanlah rahmat kepada kami. Engkaulah pelindung kami. Oleh itu, tolonglah kami menghadapi kaum yang kafir*". (Surah Al-Baqarah, ayat 286)

# Sekolah Menengah Katok juara Pertandingan Gulintangan

**Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim**
**Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman**

**TUNGKU LINK**, Rabu, 27 Ogos. - Kementerian Pendidikan mengadakan Peringkat Akhir Pertandingan Gulintangan Antara Sekolah-sekolah Menengah, Maktab-maktab dan Pusat Tingkatan Enam Senegara Tahun 2025 yang berlangsung di Pusat Kesenian Pro Canselor, Universiti Brunei Darussalam (UBD), di sini.

Pertandingan dimenangi Sekolah Menengah Katok, diikuti dengan Maktab Sultan Omar 'Ali Saifuddien tempat kedua, dan Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri tempat ketiga.

Hadir selaku tetamu kehormat bagi menyempurnakan penyampaian hadiah dan sijil kepada para peserta ialah Naib Canselor UBD, Dr. Hazri bin Haji Kifle.

Sebanyak lima pasukan berjaya layak ke peringkat akhir pertandingan berkenaan dari 13 pasukan yang bertanding di peringkat saringan.

Pasukan-pasukan tersebut ialah Sekolah Menengah Katok, Maktab Sultan Omar 'Ali Saifuddien, Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri, Sekolah Menengah Masin dan Sekolah Menengah Sultan Sharif Ali.

Pertandingan tersebut diadakan dengan tujuan untuk memberikan pendedahan serta meningkatkan kesedaran kepada pelajar peringkat menengah hingga Institusi Pengajian Tinggi mengenai kewujudan dan keindahan warisan alat muzik tradisional Brunei.

Usaha ini juga berperanan dalam memelihara serta mempertahankan seni budaya negara secara berterusan melalui pelbagai aktiviti kokurikulum yang berunsurkan kesenian dan kebudayaan. Selain itu, pertandingan juga diharapkan dapat menanamkan semangat cinta akan negara dengan mengekalkan keaslian tradisi kebudayaan Brunei, khususnya di kalangan pelajar dan belia secara amnya.




**NAIB Canselor Universiti Brunei Darussalam hadir selaku tetamu kehormat menyempurnakan penyampaian hadiah dan sijil kepada para peserta.**

Antara objektif pertandingan berkenaan adalah untuk merangsang perkembangan bakat pelajar dalam seni permainan gulintangan serta meningkatkan daya kreativiti melalui penggabungan permainan alat muzik tradisional dengan moden berlandaskan konsep tradisi dan kontemporari.

Pertandingan ini dianjurkan oleh Bahagian Kesenian dan Kreativiti, Jabatan Pendidikan Kokurikulum dengan kerjasama Pejabat Sekretariat Majlis Tertinggi Melayu Islam Beraja dan Akademi Pengajian Brunei.

# JERAYAWARA KESEDARAN KEWANGAN LABUH TIRAI



**SETIAUSAHA Tetap (Pendidikan Teras), Kementerian Pendidikan hadir selaku tetamu kehormat bergambar ramai pada Majlis Penutup Jerayawara Kesedaran Kewangan.**

**Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad**
**Foto : Azmah Haji Ahad**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 27 Ogos. - Jerayawara Kesedaran Kewangan sempena Hari Celik Kewangan Kebangsaan (NFLD) 2025 yang bertemakan 'Bijak Wang, Selamat Secara Digital' melabuhkan tirainya hari ini dengan Majlis Penutup yang berlangsung di Dewan Puteri, Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri (STPRI).

Majlis tersebut menandakan penutupan rasmi acara selama dua hari yang dianjurkan bersama oleh Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) dan Kementerian Pendidikan, dengan tujuan memperkukuh celik kewangan dalam kalangan pelajar melalui pembelajaran interaktif dan penyertaan aktif.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), Kementerian Pendidikan, Dr. Shamsiah Zuraini Kanchanawati binti Haji Tajuddin.

Acara kemuncak majlis penutup menyaksikan penyampaian hadiah kepada para pemenang pertandingan FIN-novators yang telah mempamerkan projek-projek inovatif mereka dalam Financial Maze pada hari pertama jerayawara. Pertandingan ini menggunakan alat dan permainan interaktif yang menggambarkan senario serta konsep kewangan sebenar.

Bagi Kategori Guru, tempat pertama dimenangi oleh Pusat Tingkatan Enam Belait melalui produk 'Takaful Trail' yang dihasilkan oleh Dayang Norlela binti Haji Puasa, Dayang Nur Amalina binti Md. Jair dan Awang Haji Ahmad Nashihin bin Haji Salim.

Tempat kedua diraih Sekolah Menengah Masin, manakala Sekolah Menengah Sayyidina Othman berada tempat ketiga.

Sementara itu, Kategori Pelajar menyaksikan Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan muncul juara dengan produk 'Reality Cheque / Ringgit Rangers' hasil idea Dayangku Alviana Arena Adlina Amirah binti Pengiran Alimin, Dayang Nur Aliah binti Dato Seri Pahlawan Spry dan Dayang Jaezah Thaqifah binti Hamjah.

Tempat kedua dimenangi oleh Sekolah Menengah PAP Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah, manakala tempat ketiga turut dimenangi oleh kumpulan lain dari Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan.

Hari terakhir jerayawara turut dipenuhi dengan aktiviti Financial Maze, di mana para pelajar berpeluang meneroka pelbagai topik seperti pengurusan kewangan, simpanan dan pelaburan, pembayaran digital, perancangan persaraan, keusahawanan dan perlindungan pengguna kewangan.

Aktiviti tersebut turut melibatkan pameran daripada pelbagai agensi termasuk BDCB; Pasukan Polis Diraja Brunei; Tabung Amanah Pekerja (TAP); Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (BEDB); Cyber Security Brunei; Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB); Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD); Bank Baiduri; Standard Chartered Bank; Bank Usahawan; Insurans Islam TAIB; Syarikat Takaful Brunei Darussalam; AIA Brunei; BIBD Securities; Standard Chartered Securities; National Digital Payment Network (ndpx); dan Datastream Digital (DST).

Secara keseluruhan, lebih 2,000 pelajar dari Tahun 7, 8, 9, 10 dan 12 di keempat-empat daerah, termasuk dari kawasan luar bandar, telah menyertai acara ini.

Jerayawara Kesedaran Kewangan NFLD 2025 mencerminkan komitmen berterusan BDCB dalam memupuk generasi celik kewangan dan berdaya tahan digital.

Melalui pendekatan kolaboratif, inisiatif ini membekalkan golongan muda dengan pengetahuan dan kemahiran jangka panjang untuk mengurus kewangan secara bijak, menguasai ekosistem kewangan digital dengan selamat serta menjadi pengguna kewangan yang berkeyakinan dan bertanggungjawab.

Turut hadir, Pengarah Urusan BDCB, Dayang Hajah Rashidah binti Haji Sabtu selaku Ahli Majlis Kebangsaan Celik Kewangan (MKCK); Timbalan Setiausaha Tetap (Perdagangan dan Industri), Kementerian Kewangan dan Ekonomi; Awang Mohammad Harris bin Brigedier Jeneral (B) Dato Paduka Haji Ibrahim selaku Urusetia MKCK serta pegawai-pegawai kanan dari Kementerian Pendidikan dan BDCB.

Untuk maklumat lanjut mengenai NFLD 2025, orang ramai boleh melayari *www.bdcb.gov.bn* atau mengikuti Instagram *@centralbank.brunei*.

# Dikir Maulud terus berkumandang

**Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi**
**Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman, Shahwal Ibrahim Tajudin**

**TUTONG**, Rabu, 27 Ogos. - Malam-malam Dikir Maulud bersempena memgimarahkan Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam pada tahun ini terus diadakan termasuk dari rombongan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) dan jabatan-jabatan di bawahnya bertempat di Masjid Ar-Rahim, Kampung Bukit Panggal, Tutong lewat petang tadi.

Rombongan KHEDN hari ini diketuai oleh Timbalan Setiausaha Tetap (Perundangan, Antarabangsa dan Penyelidikan), KHEDN, Awang Haji Ahmad Nizam bin Dato Paduka Haji Ismail selaku tetamu kehormat majlis.

Sejurus selesai Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah, Dikir Maulud seterusnya dibacakan daripada pihak rombongan KHEDN dan juga para jemaah masjid.

Sebelum mengakhiri majlis, Doa Allah Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam (NBD) dibacakan bagi memohon agar NBD terselamat daripada bala dan segala penyakit.

Turut hadir, penghulu-penghulu mukim dan ketua-ketua kampung, ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai kanan, pegawai-pegawai dan kakitangan KHEDN dan jabatan-jabatan di bawahnya serta Ahli-ahli Jawatankuasa Takmir Masjid dan Ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung.

Adapun objektif majlis diadakan adalah bagi sama-sama menyemarakkan lagi sambutan hari-hari kebesaran Islam dan memeriahkan lagi suasana Sambutan Maulidur Rasul serta menggalakkan warga kementerian untuk terus berselawat dan memuji junjungan besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.



**ROMBONGAN Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) diketuai oleh Timbalan Setiausaha Tetap (Perundangan, Antarabangsa dan Penyelidikan), KHEDN selaku tetamu kehormat majlis (kanan dan bawah kiri).**






# FORUM BINCANG HAL EHWAL BERKAITAN DUNIA KESUSASTERAAN



PEMANGKU Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Awang Suip bin Haji Abdul Wahab hadir selaku tetamu khas pada Forum Sastera Suara Tiga Generasi, 'Perspektif dan Pandangan Penulis

**Oleh : Marlinawaty Hussin**
**Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said**

**BERAKAS**, Khamis, 28 Ogos. - Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) melalui Unit Majalah Dewasa, Bahagian Sastera dan Majalah mengadakan Forum Sastera Suara Tiga Generasi, 'Perspektif dan Pandangan Penulis Sastera' bertempat di Pentas Utama, Dewan Persidangan Utama, Pusat Persidangan Antarabangsa, bersempena dengan Pesta Buku Brunei 2025.

Forum tersebut menjadi medan penting dalam mempertemukan penulis, sasterawan, pengkritik dan pencinta sastera untuk membincangkan hal ehwal berkaitan dunia kesusasteraan.

Pelbagai pemikiran dan gagasan diutarakan oleh penulis yang bukan sahaja mencerminkan pandangan peribadi mereka terhadap dunia sastera malah mencerminkan kesedaran mereka terhadap masyarakat, budaya dan peradaban.

Objektif forum tersebut adalah untuk menyediakan ruang wacana terbuka antara tiga generasi penulis sastera, mengenal pasti kesinambungan, perbezaan dan titik temu dalam karya dan pemikiran sastera tiga generasi; menggalakkan pemahaman antara generasi serta memperkukuh jaringan penulisan dan kritikan sastera di peringkat nasional dan serantau; juga memperkasa minat khalayak umum terhadap dunia sastera melalui penglibatan penulis pelbagai generasi.

Hadir selaku tetamu khas ialah Pemangku Pengarah DBP, Awang Suip bin Haji Abdul Wahab.

Turut hadir, Pemangku Timbalan Pengarah DBP, Dayang Hajah Haireni binti Haji Awang Damit; ketua-ketua bahagian, pemangku ketua bahagian, penerima-penerima Anugerah Penulis Asia Tenggara, para penulis serta pencinta bahasa dan sastera tanah air.

Forum berkenaan mengetengahkan tiga ahli panel daripada tiga peringkat generasi terdiri daripada penulis mapan yang pernah menerima pelbagai anugerah dalam dan luar negara seperti Anugerah Penulis Asia Tenggara.

Panel pertama ialah Profesor Ampuan Dr. Haji Brahim bin Ampuan Haji Tengah, merupakan penerima Anugerah Penulis Asia Tenggara 2005, Anugerah Buku Negara 2024 dan Tokoh Mahrajan Persuratan dan Kesenian Islam dalam Nusantara Peringkat Nusantara 2025; Duta Bahasa 2022 serta Tokoh Cendekiawan Sepanjang Zaman.

Panel kedua ialah Ketua Bahagian Sastera dan Majalah, DBP, Dr. Haji Mohd. Ali bin Haji Radin, yang merupakan seorang penulis prolifik dan aktif berkarya dalam majalah mahupun penerbitan buku. Beliau menerima Anugerah Khas Borneo Book Award, 2025.

Panel ketiga pula ialah seorang penulis muda baharu yang aktif dan berpotensi untuk mewakili suara generasinya.

Penulis muda, Awangku Mohd. Noor Sham@Awangku Hidie bin Pengiran Hidup, ialah penerima Penghargaan Sasterawan Muda Mastera 2023 dan Pengerusi Opera Peringkat Negara Brunei Darussalam / Setiausaha Opera Peringkat Rantau Mastera.

Manakala moderator forum tersebut ialah Pengarang Kanan, DBP, Dayangku Norsafiah binti Pengiran Sapudin.




**FORUM berkenaan mengetengahkan tiga ahli panel daripada tiga peringkat generasi terdiri daripada penulis mapan yang pernah menerima pelbagai anugerah dalam dan luar negara seperti Anugerah Penulis Asia Tenggara.**

# PMP sebagai wadah eratkan hubungan agensi kerajaan, masyarakat



**PEMANGKU Timbalan Pengarah Penerangan, Awang Haji Fathi Foad bin Dato Seri Setia Haji Abu Bakar semasa mempengerusikan Program Muzakarah Penerangan (PMP) bersama penduduk Mukim Serasa, Daerah Brunei dan Muara.**

**Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani**
**Foto : Mohammad Hasif Matzin**

**PEKAN MUARA,** Khamis, 28 Ogos. - Selaras dengan fungsi dan tanggungjawabnya sebagai lidah, mata dan telinga kerajaan, Jabatan Penerangan melalui Unit Hubungan Masyarakat, Seksyen Komunikasi Strategik, Bahagian Penerbitan dan Komunikasi Strategik hari ini mengadakan Program Muzakarah Penerangan (PMP) bersama penduduk Mukim Serasa, Daerah Brunei dan Muara yang berlangsung di Dewan Sekolah Rendah Sultan Umar Ali Saifuddin, Pekan Muara, di sini.



Hadir mempengerusikan PMP ialah Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan, Awang Haji Fathi Foad bin Dato Seri Setia Haji Abu Bakar.

Dalam mukadimah, beliau menjelaskan bahawa program ini merupakan salah satu usaha kerajaan, melalui agensi-agensi berkaitan, untuk berdialog dengan pemimpin akar umbi masyarakat dalam menyampaikan penjelasan, mendengar permasalahan serta menghebahkan maklumat rasmi kerajaan.

Hal ini adalah selaras dengan tuntutan agama Islam, iaitu segala isu atau permasalahan hendaklah dibincangkan bersama.

Sementara itu, hadir mewakili Mukim Serasa ialah Penghulu Mukim Serasa, Awang Saiful Adli bin Ali Hassan dan ketua-ketua kampung di bawah tadahan Mukim Serasa serta penduduk kampung.

Program seperti ini menurutnya, adalah amat penting kerana ia bukan sahaja menjadi wadah untuk bertukar fikiran, tetapi juga sebagai penghubung yang mengeratkan lagi hubungan antara agensi kerajaan dengan masyarakat di peringkat akar umbi.

**KUALA BELAIT**, Rabu, 27 Ogos. - Hengyi Industries Sdn. Bhd. (Hengyi Industries) meneruskan Program Jangkauan Pendidikan dengan mengadakan lawatan ke Sekolah Menengah Chung Ching dan Sekolah Menengah Chung Hua di Daerah Belait, yang dihadiri oleh lebih 400 pelajar dari Tahun 9, 10 dan 11 sebagai sebahagian daripada usaha berterusannya untuk menyokong belia Brunei.

Ini berikutan sesi jangkauan syarikat tersebut sebelum ini pada Jun lalu di Sekolah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Sekolah Menengah Pengiran Isteri Hajjah Mariam (SMPIHM) dan Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan (MSPSBS).

Semasa sesi tersebut, Hengyi Industries meneruskan inisiatifnya untuk memberi inspirasi kepada para pelajar dengan memperkenalkan mereka kepada Hengyi Group dan Hengyi Industries, yang menonjolkan perjalanan dan operasi syarikat.

Pelajar diberi gambaran keseluruhan tentang transformasi Pulau Muara Besar menjadi kompleks petrokimia moden, bersama-sama dengan pencapaian penting yang dicapai dalam Fasa I projek.

Pembentangan itu juga menyentuh mengenai rangkaian luas produk halus yang dikeluarkan, inisiatif tanggungjawab sosial korporat Hengyi Industries, dan komitmen berterusan syarikat terhadap pemantauan dan perlindungan alam sekitar untuk memastikan operasi yang selamat, mampan dan bertanggungjawab.

Program Biasiswa dan Kerjasama Bersama Hengyi Industries dengan kerjasama Universiti Brunei Darussalam (UBD), Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) dan Politeknik Brunei, menjadi fokus utama pembentangan.

Melalui program biasiswa, pelajar ditawarkan peluang untuk mengikuti kursus khusus berkaitan dengan industri petrokimia, termasuk laluan yang dibiayai sepenuhnya untuk belajar di luar negara di Universiti Zhejiang atau Politeknik Petrokimia Lanzhou di Republik Rakyat China.

Selepas menamatkan pengajian mereka, graduan ditawarkan peluang pekerjaan dengan Hengyi Industries.

Sesi berakhir dengan segmen soal jawab dan kuiz interaktif, memberi peluang kepada para pelajar untuk melibatkan diri dengan wakil Hengyi Industries dan memperdalam pemahaman mereka dengan lebih lanjut.

Program Jangkauan Pendidikan adalah sebahagian daripada aspirasi 'Hengyi Future-Ready', inisiatif jangka panjang syarikat yang didedikasikan untuk membangunkan bakat tempatan dan menyediakan generasi akan datang untuk memainkan peranan aktif dalam industri petrokimia Brunei.

Melalui inisiatif tersebut, Hengyi Industries terus memacu visi kecemerlangannya dengan memupuk inovasi, memupuk bakat, dan memajukan pertumbuhan mampan untuk kedua-dua syarikat dan negara.





**HENGYI Industries Sdn. Bhd. (Hengyi Industries) meneruskan Program Jangkauan Pendidikan dengan mengadakan lawatan ke Sekolah Menengah Chung Ching dan Sekolah Menengah Chung Hua di Daerah Belait (kanan dan bawah kiri).**

# 134 murid Darjah VI diraikan pada Majlis Khatam Al-Quran

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama

**BERAKAS,** Khamis, 28 Ogos. - Majlis Khatam Al-Quran di sekolah-sekolah ugama bukan sahaja satu amalan yang signifikan dalam sistem pendidikan agama di negara ini malah turut menjadi satu bentuk pengiktirafan terhadap usaha gigih murid-murid dalam mendalami dan menghayati ajaran Islam.

Majlis ini juga sebagai wadah untuk mendekatkan diri kepada Al-Quran di mana para pembacanya diberikan ganjaran pahala, dilimpahi rahmat serta keberkatan daripada Allah Subhanahu Wata'ala.

Sehubungan itu, seramai 134 murid Darjah VI Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Hafizah Sururul Bolkiah iaitu 67 murid lelaki dan 67 murid perempuan yang telah berjaya menamatkan bacaan 30 Juzuk Al-Quran diraikan dalam Majlis Khatam Al-Quran bertempat di Dewan Serbaguna, Jabatan Bomba dan Penyelamat, Airport Lama Berakas, petang tadi.

Hadir selaku tetamu khas majlis ialah Pemangku Ketua Bahagian Kokurikulum, Jabatan Pengajian Islam (JPI), Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Mohammad Wizani bin Haji Awang Ali yang turut memulakan majlis dengan memimpin bacaan Surah Al-Fatihah beramai-ramai.

Acara diteruskan dengan bacaan surah-surah lazim oleh para peserta khatam dan diikuti dengan bacaan Takhtim. Seterusnya, Doa Khatam Al-Quran dibacakan oleh Awang Muhammad 'Irfan Wafiy bin Haji Mohamad Sahri.

Kemudiannya, diserikan dengan persembahan Dikir dan penyampaian sijil kepada para peserta khatam oleh tetamu khas majlis. Acara diakhiri dengan bacaan Doa Selamat oleh Awang Mohammad Faris Zayani bin Muhammad Firdausil Amin.

Dengan kehadiran dan sokongan para ibu bapa serta usaha berterusan pihak sekolah dan JPI, Majlis Khatam Al-Quran ini turut memainkan peranan penting dalam mengukuhkan syiar Islam di negara ini. Di samping itu, ia juga menyumbang kepada pembentukan generasi yang celik Al-Quran, beriman, beramal soleh serta bertakwa.



**SERAMAI 134 murid Darjah VI Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Hafizah Sururul Bolkiah iaitu 67 murid lelaki dan 67 murid perempuan berjaya menamatkan bacaan 30 Juzuk Al-Quran diraikan dalam Majlis Khatam Al-Quran.**

# Beri kefahaman, memperkukuh penghayatan kepada Al-Quran

Siaran Akhbar : Kementerian Hal Ehwal Ugama

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 27 Ogos. - Al-Quran Al-Karim merupakan mukjizat agung yang diturunkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala kepada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam sebagai petunjuk dan pedoman sepanjang zaman.

Al-Quran mengandungi panduan yang sempurna untuk membina insan, membentuk masyarakat dan mengatur kehidupan manusia.

Namun, nilai agung Al-Quran tidak akan dapat dirasai hanya melalui pembacaan semata-mata, bahkan menuntut proses tadabbur yang mendalam iaitu merenung, memahami dan menghayati maksud serta mesej yang tersirat dan tersurat dalam Al-Quran.

Sehubungan itu, Kementerian Hal Ehwal Ugama melalui Pusat Pengajian dan Penyebaran Al-Quran MABIMS akan menganjurkan Kursus Tadabbur Al-Quran Tahun 1447 Hijrah / 2025 Masihi selama tiga hari berturut-turut iaitu pada Selasa, Rabu dan Khamis, 9, 10 dan 11 Rabiulawal 1447 bersamaan 2, 3 dan 4 September 2025 bertempat di Dewan Serbaguna, Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Muta-Wakkilah Hayatul Bolkiah, Kampung Serusop.

Kursus Tadabbur Al-Quran Tahun 1447H/2025M dibahagikan kepada dua sesi iaitu Sesi Pagi bermula dari pukul 8.00 pagi hingga 11.30 pagi. Manakala Sesi Petang dari pukul 1.45 petang hingga 3.30 petang.

Kursus ini akan mengetengahkan dan memfokuskan kepada teknik, tatacara dan kaedah mentadabbur ayat-ayat Al-Quran dengan lebih jelas dan tematik. Kursus dibukakan kepada belia-belia yang belum berkhidmat dengan kerajaan.

Tujuan Kursus Tadabbur Al-Quran Tahun 1447H/2025M ini diadakan adalah untuk membimbing masyarakat awam dalam memberikan kefahaman dan penghayatan kepada Al-Quran melalui rujukan dan kitab-kitab tafsir yang muktabar.

Ini selaras dengan konsep Negara Zikir dan rakyat celik Al-Quran sepertimana yang dihasratkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Semoga dengan penganjuran ini, ia akan dapat melahirkan individu yang mampu menjadi pemudah cara tadabbur di tempat masing-masing serta mendapat ganjaran pahala daripada Allah Subhanahu Wata'ala.

Bagi keterangan lanjut mengenai Kursus Tadabbur Al-Quran Tahun 1447H/2025M, bolehlah berhubung terus dengan Dayang Noralina binti Haji Abd. Rahim, Pegawai Ugama, Pusat Pengajian dan Penyebaran Al-Quran MABIMS menerusi talian +673 7169870.

PELITA BRUNEI




# Kem Belia OKU dedahkan cara hidup berdikari, memperkasa diri

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

**KONVENSYEN** mengenai Hak Orang Kurang Upaya atau Convention on the Rights of Persons with Disabilities (CRPD) merupakan perjanjian antarabangsa berkaitan hak asasi manusia yang telah diluluskan oleh Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) pada 13 Disember 2006.

Konvensyen tersebut bertujuan untuk menggalakkan, melindungi dan memastikan semua Orang Kelainan Upaya (OKU) menikmati hak asasi manusia dan kebebasan asas secara penuh dan saksama, di samping memupuk penghormatan terhadap maruah mereka yang wujud secara semula jadi.

### Siapa mereka golongan OKU?

Golongan OKU termasuk mereka yang mempunyai ketidakupayaan fizikal, mental, intelek atau deria yang bersifat jangka panjang. Apabila ketidakupayaan ini berinteraksi dengan pelbagai halangan, ia boleh mengehadkan mereka daripada mengambil bahagian secara penuh dan berkesan dalam masyarakat, setara dengan orang lain.

Negara Brunei Darussalam (NBD) telah menandatangani CRPD dan meratifikasinya pada 11 April 2016 sebagai komitmen bagi memastikan golongan OKU di negara ini dapat menikmati hak dan peluang yang setara dengan masyarakat umum.

### MKOKU anjur Kem Belia Kelainan Upaya

Selaras dengan komitmen tersebut, Majlis Kesejahteraan OKU (MKOKU) baru-baru ini telah menganjurkan Kem Belia Kelainan Upaya atau Youth Disability Camp (YDC) 2025 selama tiga hari, bermula 14 hingga 16 Ogos, yang dirasmikan oleh Penasihat MKOKU, Dato Paduka Haji Alimin bin Haji Abdul Wahab, bertempat di Stadium Negara Hassanal Bolkiah yang menjadi platform penting untuk memperkasa belia OKU di NBD dengan tumpuan khusus kepada meningkatkan pemahaman CRPD.

MKOKU ialah badan induk kebangsaan yang mewakili sembilan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) bagi OKU dan berperanan sebagai suara rasmi bukan kerajaan bagi persatuan-persatuan OKU di negara ini dalam memperjuangkan hak, maruah dan kebajikan golongan berkenaan.

Di NBD, dianggarkan sekitar 8,000 individu OKU di seluruh negara menghadapi pelbagai cabaran deria, intelek dan mobiliti, menurut satu kenyataan dalam Siaran Akhbar Majlis Pelancaran YDC 2025 yang dikeluarkan oleh MKOKU.

MKOKU berusaha untuk memastikan keterangkumannya adalah sejajar dengan Wawasan Brunei 2035 serta Konvensyen PBB mengenai Hak Orang Kurang Upaya (UNCRPD).

Sementara itu, Naib Yang Dipertua II MKOKU, Muhammad Hamzi bin Omar yang juga Pengurus Projek YDC 2025, menjelaskan objektif utama kem berkenaan adalah untuk membantu golongan OKU memahami kepentingan CRPD serta memberi panduan dan kaedah perkhidmatan kepada penjaga dan tenaga pengajar cara menyokong dan membantu OKU.

"Selain itu, kami juga ingin memberi pendedahan kepada para peserta mengenai cara hidup berdikari dan memperkasa diri mereka untuk berinteraksi dengan masyarakat umum," katanya semasa ditemu bual Pelita Brunei.

YDC 2025 disertai oleh 38 belia OKU terdiri daripada pelbagai latar belakang termasuk daripada persatuan Ahli MKOKU, Pusat Bahagia dan Jabatan Pendidikan Khas.

Kumpulan Nadi Asy-Syura sebagai sebahagian daripada Young Executive Programme Kohort-10 (YEP-10) Institut Perkhidmatan Awam pula memainkan peranan penting dengan membawa pelbagai agensi untuk mengendalikan bengkel dalam usaha mempersiapkan belia OKU bagi pekerjaan dan kewarganegaraan aktif.

Matlamatnya adalah untuk memastikan belia OKU mendapat peluang pendidikan, pekerjaan, dan akses kepada infrastruktur inklusif.

Sepanjang tiga hari kem dijalankan, para peserta telah mengambil bahagian dalam pelbagai aktiviti bertemakan kesedaran, daya tahan, kemahiran serta pengetahuan; keterangkuman dan kelestarian.

Antara sesi utama termasuk memahami UNCRPD yang dikendalikan oleh pemimpin MKOKU bagi membiasakan peserta dengan konvensyen ini dan kaitannya di NBD; pameran organisasi iaitu pembentangan oleh persatuan ahli untuk berkongsi peranan dan fokus masing-masing dalam memajukan keterangkuman OKU; bengkel anjuran Nadi Asy-Syura yang merangkumi penulisan CV, persediaan temu duga, literasi kewangan, seni bercakap dan kemahiran dalam memimpin; juga perbincangan dasar dan pendidikan yang menyentuh mengenai Persons with Disabilities Order, elaun OKU, elaun penjaga dan pendidikan inklusif.

Selain itu, para peserta turut mengikuti cabaran pembinaan pasukan iaitu aktiviti interaktif yang menghubungkan UNCRPD dengan Matlamat Pembangunan Lestari (SDGs).

Menurut Muhammad Hamzi, para peserta kem terdiri daripada pelbagai Kategori OKU seperti penglihatan, pendengaran, anggota, pengguna kerusi roda, intelektual, autisme dan Sindrom Down.

Setiap aktiviti ujarnya disesuaikan mengikut keperluan mereka yang berbeza, sambil memberi ruang kepada para peserta untuk lebih memahami antara satu sama lain. Manakala matlamatnya ialah membentuk kepimpinan dalam kalangan OKU sendiri pada masa hadapan.

Beliau menambah, salah satu aktiviti yang menarik ialah 'Game of Life' iaitu permainan yang menguji sama ada situasi yang diberikan berbentuk diskriminasi atau *reasonable accommodation*.

"Melalui permainan ini, kami dapat melihat tuntutan sebenar rakan-rakan OKU dan memahami situasi mereka dengan lebih mendalam," katanya.

Beliau turut mengongsikan bahawa MKOKU berhasrat untuk menganjurkan program susulan pada bulan Disember nanti dengan skala lebih besar.

Jelasnya, program itu dijangka akan menampilkan pengamal undang-undang termasuk wakil dari Pejabat Peguam Negara dan Majlis Mesyuarat Negara, selain pelbagai agensi yang berkaitan.

Dengan pendedahan ini, terangnya para peserta dapat memahami peranan dan kepentingan CRPD dengan lebih baik dan seterusnya menyesuaikan diri dengan piawaian yang selaras dengan pencapaian Wawasan Brunei 2035 dan melalui penganjuran kem tersebut, para belia OKU diharap suatu hari nanti dapat menjadi pemimpin yang membantu rakan-rakan OKU lain, sama ada melalui persatuan masing-masing atau di MKOKU.

Muhammad Hamzi juga berharap agar suara mereka lebih didengar, dengan mereka sendiri mewakili kategori masing-masing untuk menyuarakan keperluan mereka.



# MAJALAH WAHANA SEJARAH DAPAT SAMBUTAN MENGGALAKKAN




**MAJALAH Wahana Sejarah, terbitan terbaharu daripada Bahagian Penerbitan dan Pemasaran, Pusat Sejarah Brunei (PSB), mencatat sambutan luar biasa dan menjadi antara bahan bacaan terlaris di Pesta Buku Brunei 2025.**



**Berita dan Foto : Ihsan Awang Mohd. Nasrul Hadi Haji Morni**

**BERAKAS**, Rabu, 27 Ogos. - Majalah Wahana Sejarah, terbitan terbaharu daripada Bahagian Penerbitan dan Pemasaran, Pusat Sejarah Brunei (PSB) mencatat sambutan luar biasa dan menjadi antara bahan bacaan terlaris pada Pesta Buku Brunei 2025.

Majalah ini diperkenalkan melalui Jualan Terbitan PSB sebagai usaha strategik untuk menanam minat dan kecintaan terhadap sejarah Brunei, khususnya dalam kalangan generasi muda.

Sasaran utama penerbitan ini ialah kanak-kanak dan remaja yang sedang menuntut di peringkat sekolah rendah dan menengah rendah.

Sebagai inisiatif memperkasa persejarahan negara, Wahana Sejarah tampil dengan pendekatan yang lebih santai dan mudah difahami, disertai infografik menarik yang memaparkan sejarah ringkas Brunei.

Pendekatan ini berjaya menarik perhatian pembaca cilik dan menjadikan sejarah lebih menyeronokkan untuk diterokai.

Majalah ini diselia oleh barisan penyelaras bersama iaitu Awang Mohd. Nasrul Hadi bin Haji Morni, Dayang Rabi'atul'adawiyah binti Haji Suhaili dan Dayang Masliyanah binti Md. Yusop, yang bertanggungjawab dalam penyelidikan bahan dan pembangunan idea bagi setiap keluaran.

Setakat ini, Wahana Sejarah telah menerbitkan tiga bilangan, mengandungi 12 ruangan menarik seperti 'Sejarah Kitani', 'Kampungku', 'Uji Minda', 'Legenda' dan 'Sekolahku'.

Pembaharuan ketara dapat dilihat melalui rekaan kulit majalah yang penuh warna-warni serta lukisan ilustrasi yang kreatif.

Maskot berwatak pahlawan zaman silam turut menghiasi kulit dan isi kandungan majalah, menambah daya tarikan visual kepada pembaca.

PSB turut menyertai Pesta Buku Brunei 2025 yang sedang berlangsung di Dewan Persidangan Antarabangsa Berakas sehingga 31 Ogos ini.

Orang ramai dialu-alukan untuk mengunjungi petak jualan PSB bagi mendapatkan Wahana Sejarah dengan potongan harga istimewa.

Setiap pembelian senaskhah majalah juga akan menerima hadiah eksklusif sebagai tanda penghargaan.

Majalah ini boleh didapati di Kedai Buku PSB, Bandar Seri Begawan.

Usaha ini mencerminkan komitmen berterusan PSB dalam memperkukuh literasi sejarah dan membudayakan warisan bangsa dalam kalangan masyarakat.




## 2 wanita didapati bersalah melanggar Perintah Agensi Pekerjaan

**Siaran Akhbar : Jabatan Buruh**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 26 Ogos. - Seorang perempuan warganegara tempatan dan seorang pemilik agensi pekerjaan yang berlesen, mengaku bersalah di Mahkamah Majistret pada hari Khamis, 21 Ogos 2025 atas pertuduhan di bawah Perintah Agensi Pekerjaan 2004 kerana menjalankan kegiatan agensi pekerjaan tanpa lesen dan meminjamkan lesen agensi pekerjaan kepada individu tanpa lesen.

Norshikah binti Abdullah@ Chong Moi Lang, seorang perempuan warganegara tempatan berumur 63 tahun telah mengaku menjalankan kegiatan agensi pekerjaan antara Mac 2024 hingga Mei 2024 tanpa lesen yang sah yang dikeluarkan oleh Pesuruhjaya Buruh.

Sementara itu, Hajah Norhayati binti Abdullah@Margie Lyn Acto Vicente, seorang perempuan warganegara tempatan berumur 62 tahun yang merupakan pemilik agensi pekerjaan yang berlesen iaitu Nur Berjaya Employment Agency, mengaku bersalah kerana meminjamkan lesen agensi pekerjaannya kepada Norshikah dalam tempoh sama, yang membolehkannya menjalankan kegiatan bagi pengambilan pekerja asing secara haram.

Di bawah Bab 6(1), Perintah Agensi Pekerjaan, 2004, tiada seorang pun boleh menjalankan agensi pekerjaan melainkan dia adalah pemegang suatu lesen yang diberikan oleh Pesuruhjaya.

Sehubungan itu, di bawah Bab 31(f), Perintah yang sama, telah memperuntukkan larangan bagi pemegang lesen agensi daripada meminjamkan, memindah milik atau menyerahkan atau cuba meminjamkan, memindah milik atau menyerahkan lesen agensi mereka kepada orang lain.

Dalam kes ini, Norshikah, telah didakwa oleh Timbalan Pendakwa Raya, Syazwani binti Jumat dengan satu tuduhan di bawah Bab 6(1), Perintah Agensi Pekerjaan 2004 di depan Majistret, Sharifah Nur Baqiyah binti Malai Shahran. Tertuduh didapati bersalah dan mengakui kesalahan yang telah dilakukan pada suatu ketika antara bulan Mac 2024 hingga Mei 2024.

Manakala pemilik Nur Berjaya Employment Agency didapati bersalah dan mengakui kesalahan yang telah dilakukan dengan satu tuduhan di bawah Bab 31(f) dalam Perintah yang sama.

Siasatan daripada Bahagian Agensi Pekerjaan di Jabatan Buruh telah mendedahkan bahawa satu permohonan Pesanan Kerja (Job Order) atas nama seorang majikan telah ditandatangani oleh Norshikah, yang disiasat dan didapati mempunyai urusan pengambilan pekerja domestik dengan majikan tersebut sekitar bulan Mac 2024, walaupun bukan sebagai salah seorang pekerja di bawah Nur Berjaya Employment Agency.

Siasatan turut mendedahkan bahawa Norshikah mengakui telah berurusan dengan majikan tersebut selama lebih lima tahun dengan membekalkan biodata pembantu rumah dan menerima bayaran pendahuluan BND2,000 melalui resit peribadi sebelum diserahkan kepada pemilik Nur Berjaya Employment Agency untuk resit rasmi. Setelah itu, pembayaran terakhir dibayar sebanyak BND1,200 yang dibayar melalui pemindahan bank ke akaun bank milik Norshikah dan keuntungan daripada bayaran tersebut dibahagi sama rata dengan pemilik Nur Berjaya Employment Agency secara lisan tanpa resit rasmi.

Bagi Nur Berjaya Employment Agency pula, pemilik telah mengakui membenarkan Norshikah menggunakan lesen dan dokumen agensi pekerjaannya untuk permohonan ke Jabatan Buruh. Pemilik juga telah menerima BND600 daripada Norshikah bagi pembayaran terakhir pengambilan pekerja domestik yang telah dibahagi sama rata dengan Norshikah.

Bagi pertuduhan berkenaan, pada hari Sabtu, 23 Ogos 2025, Norshikah telah dijatuhkan hukuman denda di bawah Bab 6(2), Perintah Agensi Pekerjaan 2004 sebanyak BND1,000. Jika gagal membayar denda, hukuman penjara selama satu bulan bagi kesalahan yang dilakukan.

Manakala pemilik Nur Berjaya Employment Agency juga telah dijatuhkan hukuman denda di bawah Bab 31, Perintah Agensi Pekerjaan 2004 sebanyak BND2,000. Jika gagal membayar denda, hukuman penjara selama dua bulan bagi kesalahan yang dilakukan.

Tarikh akhir bagi kedua-dua tertuduh untuk membayar denda adalah bagi Norshikah pada 1 Oktober 2025, dan bagi pemilik Nur Berjaya Employment Agency pada 30 Ogos 2025.

Jabatan Buruh ingin mengingatkan orang ramai untuk tidak menjalankan sebarang kegiatan agensi pekerjaan khasnya bagi tujuan proses pengambilan, membekalkan dan mendatangkan pekerja-pekerja asing ke Negara Brunei Darussalam untuk tujuan pekerjaan tanpa lesen daripada Pesuruhjaya Buruh.

Jabatan Buruh juga ingin mengingatkan agensi pekerjaan yang berlesen untuk tidak meminjamkan lesen agensi kepada orang lain dan hendaklah sentiasa mematuhi undang-undang di bawah Perintah Agensi Pekerjaan 2004.

Jabatan Buruh memohon kerjasama orang ramai bagi sama-sama memberikan maklumat berhubung dengan sebarang pelanggaran Perintah Agensi Pekerjaan, 2004, khususnya bagi kesalahan menjalankan kegiatan agensi pekerjaan tanpa lesen daripada Pesuruhjaya Buruh dengan menghubungi hotline Bahagian Agensi Pekerjaan menerusi talian +673 8753594 atau menge-mel kepada *agensi.pekerjaan@buruh.gov.bn*.

Orang ramai bolehlah melayari laman sesawang Jabatan Buruh, di alamat *http://www.labour.gov.bn/Theme/Home.aspx*, untuk maklumat terkini bagi senarai agensi pekerjaan yang berlesen di Jabatan Buruh.

فليتا بروني PELITA BRUNEI

BERITA GLOBAL

# ANTA MELUASKAN PENGUASAANNYA DI PASARAN CHINA

**FUZHOU**, 28 Ogos. - Jenama pakaian sukan China ANTA Sports melaporkan pertumbuhan pendapatan dua angka pada separuh pertama 2025, menurut laporan kewangan terbaru firma itu yang dikeluarkan pada hari Rabu.

Keputusan interim ANTA untuk awal 2025 menunjukkan bahawa syarikat itu menyatukan kedudukan peneraju pasarannya di China. Pertumbuhan pendapatannya mengatasi industri, dan syarikat itu telah mengungguli pasaran China selama empat tahun berturut-turut.

Kumpulan itu mencapai hasil sebanyak 38.54 bilion yuan (AS$5.3 bilion), peningkatan tahun ke tahun sebanyak 14.3 peratus, juga menandakan pertumbuhan positif ke-12 tahun berturut-turut.

Jenama teras ANTA meningkat sebanyak 5.4 peratus kepada 16.95 bilion yuan (AS$2.3 bilion), dan jenama FILAnya meningkat sebanyak 8.6 peratus kepada 14.18 bilion yuan (AS$1.9 bilion). Portfolio jenama lainnya menyaksikan pertumbuhan sebanyak 61.1 peratus, mencecah 7.41 bilion yuan (AS$1 bilion).

Syarikat itu juga menyerlahkan dua langkah strategik utama: pemerolehan jenama luar Jack Wolfskin dan pembentukan usaha sama dengan pengedar fesyen Korea Selatan Musinsa untuk memasuki pasaran China.

Keuntungan syarikat yang boleh diagihkan kepada pemegang saham meningkat 14.5 peratus tahun ke tahun kepada 7.03 bilion yuan (AS$960 juta), tidak termasuk keuntungan sekali sahaja, manakala margin operasi meningkat kepada 26.3 peratus.

Aliran tunai juga kekal sihat, dengan aliran masuk operasi bersih sebanyak 10.93 bilion yuan (AS$1.5 bilion). Menjelang akhir Jun, kumpulan itu menggunakan rizab sebanyak 55.58 bilion yuan (AS$7.6 bilion) dalam bentuk tunai dan deposit.

Jualan dalam talian terus menjadi pemacu pertumbuhan utama untuk gergasi pakaian sukan itu. Hasil e-dagang melonjak 17.6 peratus daripada tahun sebelumnya, menyumbang lebih satu pertiga daripada jumlah jualan. - ©XINHUA



**RERUAI pameran gergasi pakaian sukan China ANTA di Ekspo Rantaian Bekalan Antarabangsa China (CISCE) di Beijing, China.**

# Presiden Argentina Milei diserang dengan batu ketika perhimpunan kempen

**BUENOS AIRES**, 28 Ogos. - Presiden Argentina Javier Milei terselamat tanpa sebarang kecederaan selepas beliau dibaling batu semasa satu perhimpunan kempen berhampiran Buenos Aires pada Rabu, lapor agensi berita Jerman, dpa.

Jurucakapnya, Manuel Adorni di platform X berkata Milei dipindahkan dengan selamat dari acara di Lomas de Zamora, sebuah kawasan miskin di pinggir ibu negara. Media tempatan melaporkan berlaku pertembungan antara penyokong dan penentang pemimpin itu, dengan polis menahan dua individu buat sementara waktu.

Beberapa pegawai kerajaan menyalahkan serangan itu ke atas pengikut 'kirchnerism', merujuk kepada kem politik bekas Presiden Cristina Fernandez de Kirchner. Milei kemudiannya memuat naik gambar di X yang menunjukkan beliau tersenyum bersama adiknya Karina Milei dan ahli Parlimen Jose Luis Espert.

Insiden itu berlaku ketika Milei sedang berkempen untuk partinya, La Libertad Avanza, menjelang pilihan raya tempatan di wilayah Buenos Aires pada 7 September. Pertembungan turut dilaporkan berlaku pada Isnin di satu lagi perhimpunan di Junin sebelum Milei sempat berucap. - ©BERNAMA

# AS sahkan kes pertama jangkitan parasit pemakan daging pada manusia

**ISTANBUL**, 27 Ogos. - Jabatan Kesihatan dan Perkhidmatan Manusia (HHS) Amerika Syarikat (AS) mengesahkan kes pertama jangkitan parasit pemakan daging pada manusia di negara itu, lapor Anadolu Ajansi (AA).

New World Screwworm (NWS), sejenis lalat parasit akan menggali masuk ke dalam tisu perumah hidup menggunakan cangkuk mulutnya yang tajam, menyebabkan kerosakan teruk yang boleh membawa maut.

Seorang jurucakap HHS memberitahu ABC News pada Isnin bahawa pesakit itu telah melawat El Salvador baru-baru ini sambil menegaskan bahawa risiko kepada orang ramai di AS adalah sangat rendah, manakala Amerika Tengah dan Mexico terus berdepan wabak parasit itu dalam ternakan.

Jabatan Pertanian Amerika Syarikat memaklumkan cacing skru tidak ditemukan pada haiwan di AS, dan menyatakan bahawa ia sebahagian besarnya telah dihapuskan beberapa dekad lalu dengan melepaskan lalat jantan yang dimandulkan untuk menghapuskan populasinya.

"Namun dengan penularannya di negara-negara berdekatan, lalat NWS bukan sahaja menjadi ancaman kepada komuniti penternak kita, tetapi ia juga mengancam bekalan makanan dan keselamatan negara," kata agensi itu.

Agensi itu menggariskan langkah-langkah baharu untuk menyekat kemasukannya, termasuk menubuhkan pusat pembiakan lalat mandul di negeri Texas, menempatkan unit peronda berkuda untuk memantau pergerakan hidupan liar, dan menggunakan anjing pengesan untuk memeriksa barangan import di pintumasuk negara.

Menurut Pusat Kawalan dan Pencegahan Penyakit, individu yang melawat kawasan wabak, bersentuhan dengan ternakan, tidur di luar rumah dan mempunyai luka terbuka berdepan risiko lebih tinggi untuk dijangkiti cacing skru. - ©BERNAMA

# La Nina berkemungkinan landa Filipina hujung tahun, taufan lebih kuat dijangka

**MANILA**, 27 Ogos. - Filipina perlu bersiap sedia menghadapi musim taufan yang berpotensi lebih kuat dengan kemungkinan berlakunya episod La Nina sebelum akhir 2025, lapor Agensi Berita Filipina (PNA) memetik biro kaji cuaca pada Selasa.

Dalam satu kenyataan, Pentadbiran Perkhidmatan Atmosfera, Geofizik dan Astronomi Filipina (PAGASA) berkata keadaan neutral Ayunan Selatan El Nino (ENSO) yang kini dipantau di Pasifik tropika dijangka berterusan sehingga Oktober.

Namun, model iklim menunjukkan kemungkinan besar keadaan La Nina jangka pendek muncul antara September dan Disember.

La Nina, iaitu fasa sejuk ENSO, dicirikan oleh suhu permukaan laut yang lebih sejuk daripada purata di bahagian tengah dan timur Khatulistiwa Pasifik.

PAGASA berkata amaran awal La Nina akan dikeluarkan apabila keadaan sesuai untuk perkembangannya dalam tempoh enam bulan akan datang dengan kebarangkalian sekurang-kurangnya 55 peratus.

"Dari segi sejarah, La Nina dikaitkan dengan bilangan siklon tropika yang lebih tinggi daripada purata menjelang akhir tahun serta keadaan hujan melebihi normal di kebanyakan kawasan negara, yang boleh mencetuskan kesan buruk termasuk banjir dan tanah runtuh di kawasan berisiko," menurut agensi itu.

Episod La Nina sebelum ini di Filipina turut dikaitkan dengan hujan monsun lebih lebat, kerugian dalam sektor pertanian dan banjir besar.

PAGASA menggesa kerajaan tempatan, agensi tindak balas bencana dan orang ramai meningkatkan tahap kesiapsiagaan serta mengambil langkah pencegahan sewajarnya. - ©BERNAMA

# Pesawat Air China lakukan pendaratan kecemasan di Rusia akibat kerosakan enjin

**MOSCOW**, 27 Ogos. - Seorang juruterbang pesawat Air China yang dalam penerbangan ke Beijing dari London dengan membawa 265 penumpang membuat keputusan untuk mendarat cemas di lapangan terbang alternatif di Nizhnevartovsk, Rusia, pada Selasa, lapor Sputnik/RIA Novosti.

Siasatan awal oleh Agensi Pengangkutan Udara Persekutuan Rusia, Rosaviation, mendapati insiden itu berpunca daripada kerosakan sebuah daripada enjin pesawat berkenaan.

"Hari ini, ketika mengendalikan penerbangan dari London ke Beijing, kru pesawat Boeing 777-300 Air China membuat keputusan untuk mendarat di lapangan terbang alternatif di Rusia.

"Punca awal ialah kerosakan sebuah daripada enjinnya. Kru telah menghantar isyarat kecemasan PAN (isyarat standard antarabangsa bagi kecemasan segera) dan meminta untuk menurunkan altitud," kata agensi itu.

Air China telah menghantar pesawat gantian ke Nizhnevartovsk yang dijangka mendarat pada 11.00 GMT dan berlepas ke Beijing pada 15.00 GMT, menurut agensi itu lagi. - ©BERNAMA

# 25 negara gantung penghantaran pos ke AS susulan ketidakpastian cukai

**GENEVA**, 27 Ogos. - Kesatuan Pos Sedunia (UPU) pada Selasa berkata 25 negara anggotanya telah menggantung penghantaran pos ke Amerika Syarikat (AS) berikutan ketidakpastian mengenai perubahan peraturan pelepasan kastam oleh pentadbiran AS bagi barangan import bernilai kurang daripada AS$800, lapor Xinhua.

UPU, sebuah agensi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu bagi sektor pos dengan 192 negara anggota dalam satu kenyataan memaklumkan bahawa pihaknya sedang berkoordinasi dengan pihak berkuasa AS bagi memastikan ahlinya menerima panduan yang jelas mengenai keperluan operasi baharu itu.

Kenyataan itu turut memaklumkan bahawa Ketua Pengarah UPU, Masahiko Metoki telah menyampaikan kebimbangan negara-negara anggota mengenai potensi gangguan dalam sepucuk surat kepada Setiausaha Negara AS, Marco Rubio pada Isnin.

Menurut perintah eksekutif yang ditandatangani oleh Presiden AS, Donald Trump, peraturan pengecualian 'de minimis' yang membenarkan kemasukan barangan bernilai kurang daripada AS$800 tanpa dikenakan cukai, akan berakhir pada 29 Ogos ini.

UPU menyatakan pihaknya sedang mengambil segala langkah yang mungkin untuk mempersiapkan negara anggotanya bagi menghadapi kesan daripada keperluan baharu itu. - ©BERNAMA

# SEKOLAH MENENGAH RIMBA JUARA KEJOHANAN UNIFIED BOCCE



**PEMANGKU Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Korporat), Kementerian Pendidikan hadir selaku tetamu kehormat serta menyempurnakan penyampaian hadiah.**

**Oleh : Marlinawaty Hussin**
**Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid, Pg. Muhammad Kamarularifin Pg. Roslan**

**TANAH JAMBU**, Rabu, 27 Ogos. - Pasukan Sekolah Menengah Rimba muncul juara Kejohanan Unified Bocce Sekolah-sekolah Menengah Senegara Kali Ke-3 yang dianjurkan oleh Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Pendidikan Khas (JPK) dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Kokurikulum (JPKK) dan Special Olympics Brunei Darussalam (SOBD).

Pasukan tersebut menerima pingat emas, piala pusingan serta piala kemenangan Unified Bocce pada majlis penutup kejohanan yang diadakan di Dewan Bina Diri, Pusat Pembangunan Belia (PPB), petang tadi.

Pingat perak (naib johan) diraih oleh Pasukan Sekolah Menengah Sayyidina Umar Al-Khattab (SMSUA), manakala pingat gangsa (tempat ketiga) dimenangi bersama oleh Pasukan Sekolah Menengah Sultan Sharif Ali dan Sekolah Menengah Pehin Datu Seri Maharaja Mentiri.

Hadiah kepada para pemenang serta hadiah sagu hati disampaikan oleh Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Korporat), Kementerian Pendidikan, Pengiran Dr. Mohammad Iskandar bin Pengiran Haji Petra selaku tetamu kehormat.

Tetamu kehormat juga menyampaikan piala kepada Luqman Hakeem bin Abdullah daripada Pasukan SMSUA selaku pemain terbaik keseluruhan bagi kejohanan tahun ini.

Kejohanan yang berlangsung sejak Selasa, 26 Ogos 2025 ini disertai 27 buah sekolah menengah kerajaan serta sebuah sekolah menengah swasta.

Setiap pasukan terdiri daripada lima orang ahli, iaitu empat orang pelajar berkeperluan khas dan seorang tenaga pengajar Program Pra-Vokasional.

Secara keseluruhan, seramai 140 peserta telah mengambil bahagian dalam kejohanan tersebut.

Majlis dimulakan dengan pertandingan peringkat akhir antara empat buah pasukan, diikuti dengan penyampaian sijil penghargaan dan hadiah kepada para pemenang.

Antara tujuan kejohanan ini adalah untuk memupuk minat dan mencungkil bakat pelajar berkeperluan khas dalam sukan Bocce khususnya serta dalam bidang sukan secara umum.

Selain itu, kejohanan ini juga merupakan salah satu usaha untuk memupuk persahabatan serta meningkatkan pemahaman terhadap nilai perbezaan dan kepelbagaian dalam kalangan pelajar dan masyarakat.

Turut hadir, ketua-ketua jabatan daripada Kementerian Pendidikan, pegawai-pegawai daripada JPK dan JPKK, pemimpin sekolah, guru-guru serta wakil-wakil daripada PPB, SOBD dan Persatuan Volunteer and First Aid Support Team Brunei.



**ANTARA tujuan kejohanan ini adalah untuk memupuk minat dan mencungkil bakat pelajar berkeperluan khas dalam sukan Bocce khususnya serta dalam bidang sukan secara umum.**

# Pasukan MOD mara ke peringkat suku akhir





**SEBAHAGIAN aksi perlawanan pada Kejohanan Bola Sepak bagi merebut Piala Keputeraan 2025.**

**PASUKAN Bola Sepak MOD menduduki tempat teratas dalam Kumpulan 'C' dan mara ke peringkat suku akhir setelah kemenangan 4 - 0 terhadap Pasukan KHELN.**

**Siaran Akhbar dan Foto : Ahli Jawatankuasa Kejohanan Bola Sepak Piala Keputeraan**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 28 Ogos. - Pasukan Bola Sepak Kementerian Pembangunan (MOD) berjaya menumpaskan Pasukan Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri (KHELN) dengan jaringan 4 - 0 pada Kejohanan Bola Sepak bagi merebut Piala Keputeraan 2025.

Dengan kemenangan itu, meletakkan MOD unggul di kedudukan teratas sekali gus mencatat rekod tanpa kalah dalam Kumpulan 'C' dan mara ke peringkat suku akhir bersama KHELN.

Dua jaringan MOD diperoleh menerusi sentuhan Awang Safwan Amaluddin Sanli dan satu jaringan lagi menerusi Awang Mohammad Haziq Asahrin manakala gol keempat MOD dihadiahkan oleh pemain KHELN, Awang Suhara Fadilah Haji Yusop selepas tertolak ke gawang sendiri.

Pada peringkat suku akhir, MOD dijangka akan bertemu dengan Kementerian Pertahanan (MINDEF) manakala Pasukan KHELN akan berdepan dengan pasukan naib juara Kumpulan 'A' iaitu Pasukan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS).

Pada persaingan peringkat suku akhir yang lain akan menyaksikan pertemuan antara Pasukan Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) menentang Pasukan Jabatan Perdana Menteri (JPM).

Kejohanan yang bermula 11 Ogos lalu merupakan anjuran Jawatankuasa Bola Sepak Piala Keputeraan 2025 dengan kerjasama Jabatan Belia dan Sukan, KKBS dan Persatuan Pengadil Bola Sepak Negara Brunei Darussalam dalam sama-sama memeriahkan lagi Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-79.



PELITA BRUNEI
PELITA BRUNEI SUKAN
ePaper Pelita Brunei

# KONTINJEN NBD SELAMAT PULANG KE TANAH AIR




SETIAUSAHA Tetap (Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) hadir di Ruang Legar Ketibaan, Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi menyambut ketibaan kontinjen negara bagi Kejohanan 2nd SEA Deaf Games 2025 dan seterusnya mengalungkan sesandang dan memberikan ucapan tahniah (kiri dan kanan).

**Berita dan Foto : Nurdiyanah Rajami**

**BERAKAS**, Rabu, 27 Ogos. - Kontinjen Negara Brunei Darussalam (NBD) seramai 10 orang yang terdiri daripada Chef de Mission, Ketua Urus Setia, Pegawai Urus Setia (Jurubahasa), Fisioterapi, Jurulatih dan atlet-atlet sukan tenpin bowling dan olahraga telah kembali ke NBD selepas berada di Jakarta, Republik Indonesia bagi mengikuti Kejohanan 2nd SEA Deaf Games 2025, petang tadi.

Sehubungan itu, hadir di Ruang Legar Ketibaan, Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei (LTAB) bagi menyambut ketibaan kontinjen negara dan seterusnya mengalungkan sesandang serta memberikan ucapan tahniah ialah Setiausaha Tetap (Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Pengiran Haji Mohd. Hasnan bin Pengiran Haji Ali Hassan serta Pegawai-pegawai Kanan KKBS.

Atlet olahraga negara berjaya membawa pulang dua pingat gangsa yang diraih oleh Awang Amiruddin bin Haji Mohd. Zain dalam acara 800 Meter Lelaki dan 1500 Meter Lelaki.

Manakala atlet-atlet tenpin bowling negara berjaya meraih satu pingat gangsa bagi acara Men's Trios yang terdiri daripada Awang Khairul Anwar bin Haji Jofari, Awang Mohammad Nazri bin Haji Mahat dan Awang Md. Hariz bin Hassan.

Kontinjen NBD telah diketuai oleh Pengiran Haji Norahalim bin Pengiran Haji Abd. Rahman selaku Chef de Mission Kontinjen NBD ke 2nd SEA Deaf Games, Jakarta, Republik Indonesia.

# Pelancaran Logo Rasmi Brunei Half-Marathon 2025

**Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Royal Brunei Airlines Sdn. Bhd., Arrowtech Sports**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 27 Ogos. - Jawatankuasa Tertinggi Larian Jambatan Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien (SHOAS) dengan sukacitanya mengumumkan pelancaran Logo Rasmi Brunei Half-Marathon 2025, hasil kerjasama strategik antara Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Royal Brunei Airlines Sdn. Bhd. (RB) dan Arrowtech Sports sebagai Rakan Rasmi bagi penganjuran The Brunei Half-Marathon 2025 di atas Jambatan SHOAS yang pertama, baru-baru ini.

Sehubungan itu, Majlis Perasmian Pelancaran Logo Rasmi The Brunei Half-Marathon 2025 telah diadakan di Bangunan Pengurusan dan Pemeliharaan Jambatan (BBA), Jambatan SHOAS, hari ini.

Hadir pada acara tersebut ialah Setiausaha Tetap (Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Pengiran Haji Mohd. Hasnan bin Pengiran Haji Ali Hassan dan Pengarah Pusat Optima Kecergasan Tentera Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Kementerian Pertahanan, Leftenan Kolonel (U) Awang Suhaimi bin Awang Jamali selaku wakil Timbalan Pemerintah ABDB, Kementerian Pertahanan, Brigedier Jeneral (U) Dato Seri Pahlawan Mohd. Sharif bin Dato Paduka Haji Ibrahim sebagai Pengerusi Bersama Jawatankuasa Kerja Eksekutif Maraton Jambatan SHOAS.

Terdahulu, Manager Corporate Communications, Azhani Abu Daniel dalam ucapannya menyatakan bahawa perkongsian ini mencerminkan lebih daripada sekadar sukan. Ia berkaitan dengan kesejahteraan, pelancongan dan semangat kebangsaan.

"Bersama-sama, kita berhasrat untuk menganjurkan sebuah acara yang memberi inspirasi kepada rakyat Brunei untuk menjalani gaya hidup yang lebih sihat dan aktif, di samping mengalu-alukan para pelari dan pelawat dari seluruh rantau dan dunia untuk merasai keindahan serta keramahan unik Negara Brunei Darussalam (NBD).

"Hari ini juga menandakan pelancaran saluran media sosial rasmi untuk Brunei Half-Marathon. Saluran ini akan menjadi platform utama untuk mendapatkan maklumat terkini, tip latihan, pendaftaran dan perkongsian cerita yang menghubungkan komuniti pelari, penyokong dan rakan kerjasama kita," jelasnya.

Acara ini dijadualkan berlangsung pada 30 November 2025, menandakan permulaan kerjasama strategik selama tiga tahun yang merangkumi Acara Half-Marathon pada tahun 2025 dan 2026 serta Acara Full Marathon pada tahun 2027.

Kerjasama strategik ini dijangka akan melahirkan sebuah acara larian bertaraf dunia yang mampu menarik penyertaan serantau dan antarabangsa, di samping memperkukuh usaha mempromosikan sukan serta gaya hidup sihat. Inisiatif ini juga akan mempertingkatkan kedudukan NBD sebagai destinasi pilihan untuk acara sukan antarabangsa.




SETIAUSAHA Tetap (Kebudayaan), KKBS dan Pengarah Pusat Optima Kecergasan Tentera Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Kementerian Pertahanan, Leftenan Kolonel (U) Awang Suhaimi bin Awang Jamal selaku wakil Timbalan Pemerintah ABDB hadir pada Majlis Perasmian Pelancaran Logo Rasmi The Brunei Half-Marathon 2025.

## Tahukah Awda

PADA 4 November 1985, iaitu pada Sidang Ke-24 MBIM di Jakarta, Negara Brunei Darussalam (NBD) yang telah mencapai kemerdekaan telah diterima dengan rasminya menganggotai Majlis Bahasa ini. Bertitik tolak dari itu, singkatan MBIM ditukar menjadi akronim MABBIM, iaitu singkatan Majlis Bahasa Brunei Darussalam - Indonesia - Malaysia. NBD menganggotai Majlis Bahasa Serantau ini melalui titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, iaitu dengan tertubuhnya satu jawatankuasa tertinggi yang dinamakan sebagai Jawatankuasa Tetap Bahasa Melayu Brunei Darussalam (JKTBMBD). Badan ini diberi kuasa penuh dalam hal-hal kebahasaan yang meliputi ejaan, istilah dan tatabahasa.

**SUMBER :** *http://www.dbp.gov.bn/.*